

Jilid III
Bil. 28



Hari Jumaat
20hb Disember, 1985

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5129]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 5178]

RANGUNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) [Ruangan 5179]

Rang Undang-undang Dagangan Komoditi [Ruangan 5198]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM - DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK BEN STEPHENS, P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATUK HAKIM ABANG HAJI MOHIDDEEN (Sarawak).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).
- „ LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).
- „ TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).
- „ PUAN HAJJAH AZIZAH BINTI MOHD. SAID (Dilantik).
- „ TUAN BEE YANG SEK (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K., (Perlis).
- „ PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang).
- „ TUAN HARUN BIN HASSAN (Terengganu).
- „ PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).

- Yang Berhormat DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K.
(Pulau Pinang).
- „ TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T.
(Dilantik).
- „ TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KENYAN ANAKTEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S.
(Sarawak).
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).
- „ DATO K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P.
(Dilantik).
- „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).
- „ CIK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAEAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K.
(Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).
- „ TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF *alias* YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).
- „ TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K.
(Dilantik).
- „ TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ DATO DR K. S. NIJHAR (Dilantik).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN (Selangor).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S.,
B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).

Yang Berhormat TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).

- „ TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A. S. DAWOOD (Dilantik).
- „ TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor).
- „ TUAN TIONG HIEW KING (Dilantik).
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).
- „ TUAN WONG YAU KET (Sabah).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita - pemberita

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 20hb Disember, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANKEMPEN KEBERSIHAN-
DENDA

1. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan orang yang dikenakan denda kerana membuang sampah tidak mengikut peraturan, iaitu sejak kempen kebersihan dilancarkan sehingga sekarang;
- (b) apakah Kerajaan sudah berpuas hati tentang kebersihan seluruh bandaraya Kuala Lumpur atau sebaliknya; dan
- (c) berapa ramaikah bilangan pegawai dan kakitangan bahagian kuatkuasa kebersihan bandaraya Kuala Lumpur, sebab nampaknya masih ada kawasan dan longkang tidak begitu terkawal kebersihannya.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan (a), semenjak kempen kebersihan seluruh negara dilancarkan pada 3hb Oktober, 1983, Dewan

Bandaraya Kuala Lumpur telah melipatgandakan usaha-usaha bagi mewujudkan dan mengekalkan keadaan kebersihan di sekitar Wilayah Persekutuan, khasnya di pusat Bandaraya Kuala Lumpur.

Selain daripada usaha-usaha memperindahkan Kuala Lumpur dengan menanam pelbagai jenis pokok dan sebagainya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga telah mengadakan beberapa siri kempen kebersihan yang telah diaturkan sepanjang tahun 1984 hinggalah pada masa kini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program kempen kebersihan ini telah dijalankan secara berterusan dan sehingga kini sebanyak 5 peringkat kempen kebersihan telah dilaksanakan. Tiap-tiap peringkat kempen ini berjalan selama 3 bulan di mana dalam bulan pertama pada tiap-tiap peringkat tindakan penguatkuasaan diberi perhatian utama dan dititikberatkan.

Satu pasukan petugas yang terdiri daripada pelbagai Jabatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menjalankan pemeriksaan dan mengambil tindakan ke atas orang awam dalam kempen kebersihan ini. Semasa kempen ini dijalankan lebihkurang 2,000 denda saman telah dikeluarkan ke atas orang awam yang membuang sampah tidak mengikut peraturan. Disamping itu, sebanyak 10,657 denda saman telah dikenakan ke atas orang awam yang membuang sampah di tempat-tempat awam seperti di perhentian bas, tempat

menunggu bas dan teksi, di tempat membeli-belah, di pawagam, di taman-taman rekreasi, di tapak-tapak penjaja dan di kedai-kedai.

Soalan (b) pula, secara umumnya semenjak kempen ini dijalankan, kita dapati memang ada perubahan dan kesannya terhadap kebersihan Bandaraya Kuala Lumpur. Ada tempat-tempat tertentu yang menunjukkan kesan positif dan terkawal keadaan kebersihannya seperti di kawasan-kawasan Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Raja Laut, Jalan Tun Perak, Jalan Tun Abdul Razak, Jalan Sultan Ibrahim, Jalan Duta, Jalan Parlimen, Jalan Bukit Bintang dan sebagainya. Sungguhpun begitu, masih terdapat lagi tempat-tempat seperti di kawasan Chow Kit, Jalan Petaling, tapak-tapak penjaja, lorong-lorong belakang bangunan, kawasan taman perumahan, sungai-sungai, tandas-tandas awam dan restoran, longkang-longkang dan sebagainya yang tahap kebersihannya kurang memuaskan.

Keadaan ini berlaku kerana terdapatnya sebilangan orang awam ataupun penduduk-penduduk di Kuala Lumpur ini yang masih lagi tidak memberikan perhatian langsung mengenai soal kebersihan. Sepatutnya mereka hendaklah sedar bahawa kebersihan dan keindahan di Bandaraya Kuala Lumpur ini adalah tanggungjawab dan milik kita bersama. Walau bagaimanapun, kita akan terus berusaha dan memerlukan kerjasama yang sepenuhnya daripada semua orang ramai untuk mempertingkatkan lagi kadar kebersihan di Kuala Lumpur melalui:

- (1) Mempergiatkan kerja-kerja kebersihan di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur.
- (2) Memperhebatkan lagi tindakan penguatkuasaan.
- (3) Memberikan pelajaran dan kesedaran sivik kepada orang

ramai di Kuala Lumpur melalui media-media massa dari masa ke semasa.

Soalan yang terakhir pula, sepertimana yang telah saya jelaskan tadi, usaha-usaha untuk menjaga kebersihan di Bandaraya Kuala Lumpur ini melibatkan beberapa Jabatan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Direktoret Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sahaja pegawai dan kakitangan berjumlah seramai 1,020-orang. Mereka menjalankan berbagai tugas dengan menguatkuasa pelbagai Akta dan undang-undang yang dilaksanakan di Bandaraya Kuala Lumpur. Daripada jumlah tersebut, seramai lebihkurang 300 orang pegawai dan kakitangan penguatkuasa yang menjalankan tugasnya bagi menguatkuasakan soal-soal kebersihan.

Saya beranggapan bahawa kalau dibandingkan di antara jumlah kakitangan yang ada dengan arus pembangunan dan pertambahan penduduk yang pesat di Kuala Lumpur, sudah pastilah bilangan pegawai dan kakitangan penguatkuasa yang menjaga kebersihan ini masih lagi berkurangan. Walau bagaimanapun, kita akan terus mengenalpasti mana-mana kawasan yang perlu diberikan perhatian utama mengenai kebersihan khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur.

Dato G. Pasamanickam: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kempen kebersihan tidak membawa apa-apa kesan yang dijangkakan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menimbang untuk menaikkan lagi denda-denda yang dikenakan terhadap orang-orang yang mengotorkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur?

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Tuan Yang di-Pertua, itu merupakan pandangan daripada Ahli Yang Berhormat. Tetapi saya telah pun mengatakan tadi bahawa ada kesannya dan kita dari masa ke semasa sedang mengusahakan supaya lebih kita dapat mengesankan kebersihan di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur ini.

Tentang menaikkan denda-denda, memang kita sudahpun mengambil kira kalau sekiranya tindakan-tindakan yang telah dirancangan tidak dapat mengesankan satu-satu projek kebersihan ini maka mungkin secara terpaksa kita perlu mengkaji semula untuk menaikkan denda-denda. Tetapi pada setakat ini Kementerian berpendapat tidak perlulah setakat ini untuk menaikkan denda-denda kepada orang-orang yang mengotorkan sebab penguatkuasaan sedang dijalankan dan kita percaya kawasan-kawasan tertentu dapat dikawal. Dari masa ke semasa kita akan tingkatkan lagi usaha-usaha ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih di atas penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menyatakan kesan-kesan positif memang ada dan telah muncul di Bandaraya Kuala Lumpur. Tetapi mengikut pandangan pakar, setelah kejadian ini, saya dengar daripada laporan akhbar setelah kejadian banjir kilat di Kuala Lumpur, di Kampung Bharu sahaja pun sudah naik tiga setengah meter, mengikut kata pakar ialah oleh kerana sungai-sungai di Kuala Lumpur telah sebu oleh sampah sarap. Jadi kalau ada tindakan penguatkuasaan dijalankan dengan begitu hebatnya oleh beribu-ribu kakitangan di Kuala Lumpur mengapa sampah sarap ini, berlambak dan berlonggok di dalam sungai?

Pertanyaan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak penguatkuasaan

itu kerana hendak menunjukkan cepat bersih Bandaraya, kumpulkan sampah, campak sebahagian dalam sungai? Saya minta penjelasan, adakah terjadi begitu.

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam rancangan kita untuk membersihkan Bandaraya termasuklah juga rancangan untuk membersihkan sungai-sungai. Dalam jawapan saya tadi memang terdapatlah kesan yang positif dan terkawal keadaan kebersihan seperti tempat-tempat yang saya sebutkan. Memanglah terdapat di sungai-sungai yang mengalir melalui Bandaraya kita terdapat sampah-sampah sarap tetapi sukalah saya menafikan di sini bukanlah kita mencampak sampah-sampah sarap ke dalam sungai. Oleh kerana keadaan yang sedia ada di kawasan Bandaraya, kawasan-kawasan setinggan dan sebagainya maka memang terdapatlah sampah sarap yang dicampak di dalam sungai dan di dalam keadaan bila sahaja hujan lebat dan berlakunya banjir kilat ini, maka kadangkala terdapatlah sampah sarap ini mengakibatkan banjir yang besar lagi. Tetapi dalam banjir kilat baru-baru ini bukan sahaja sampah sarap yang mengakibatkan banjir yang begitu dahsyat tetapi juga tebing sungai yang runtuh pada masa itu akibat hujan turun dengan lebat pada awal pagi.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita tidak dapat menafikan bahawa masih banyak lagi kerja-kerja yang perlu kita buat untuk membersihkan kawasan-kawasan di Bandaraya termasuklah juga sungai-sungai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita mempunyai satu petugas khas untuk mengawal kebersihan di sungai-sungai di Bandaraya Kuala Lumpur dan juga dikenakan denda kepada sesiapa

sahaja yang ditangkap kerana membuang sampah. Pasukan petugas ini menggunakan bot-bot untuk mengawal kawasan-kawasan sungai jika keadaan mengizinkan sebab ada masa-masa di mana sungai itu tidak membenarkan bot-bot digunakan sebab tidak begitu dalam. Maka dengan itu suka saya menyatakan memang Kementerian dengan kerjasama Dewan Bandaraya sentiasa memberi perhatian yang serius terhadap kebersihan di Bandaraya termasuklah juga sungai-sungai, lebih-lebih lagi menjelang Persidangan PATA yang akan datang.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita akui Ibu Kota kita ini bersih bahkan kalau hendak dibandingkan dengan setengah-setengah ibu negara lain bukan sahaja dirantau ini bahkan di antara negara-negara lain dalam dunia, Kuala Lumpur amat bersih dan indah, sesuai dengan Persidangan PATA pada tahun hadapan.

Soalan saya, adakah Kementerian berhasrat untuk melantik penduduk-penduduk di Kuala Lumpur ini sebagai tuan rumah bagi menyambut tetamu-tetamu Persidangan PATA pada tahun hadapan dan memberi jaminan kebersihan di seluruh Kuala Lumpur ini?

Yang kedua, bukan sahaja kebersihan ini harus dipandang dari segi sampah sarap, ada lagi kebersihan lain yang harus diberi perhatian. Bunyi bising terutama kalau di Jalan Raja Laut setiap kali lampu isyarat hijau dilepaskan, bunyi bising kenderaan kecil seperti motosikal, bas mini macam hendak runtuh bangunan di kiri kanan itu. Dan asap yang membuat kelam Bandaraya Kuala Lumpur ini oleh kenderaan. Adakah bidang kuasa diberi kepada pegawai-pegawai penguatkuasa yang lebih 300 orang yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu juga mempunyai kuasa

untuk mengatasi kebersihan, kebisingan dan asap yang kelam ini?

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Persidangan PATA memanglah kita mempunyai satu jawatankuasa untuk menentukan supaya segala persiapan dapat berjalan dengan licin. Tetapi untuk melanttkkan penduduk-penduduk maka saya rasa ini tidaklah menjadi soal sebab kita seluruh di Bandaraya Kuala Lumpur ini sebagai penduduk di sini menerima mereka-mereka yang datang dan kita menjadikan diri kita sebagai tetamu-tetamu untuk mereka yang datang ke Persidangan PATA pada bulan April tahun hadapan.

Soalan yang kedua, fasal bunyi bising dan asap, memanglah di dalam Akta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pihak penguatkuasa undang-undang ini tidak mempunyai kuasa yang penuh tetapi mendapat kerjasama daripada pihak Polis untuk mengambil tindakan tangkap menangkap ke atas sesiapa yang bersalah. Sebaliknya juga pihak penguatkuasaan ini diberi mandat dan diberikan tanggungjawab untuk mengeluarkan saman kepada sesiapa sahaja yang melanggar peraturan-peraturan sama ada di jatan raya ataupun kawasan kebersihan di sekitar bandaraya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kutipan denda yang dikutip oleh pihak Dewan Bandaraya daripada 5hb November, 1984 hingga 4hb Disember, 1984 sahaja adalah berjumlah \$28,810 dan tarikh daripada 1hb Mac, 1985 hingga 30hb Mei, 1985 berjumlah \$29,495. Itu sahaja, sekian.

CARUMAN KWSP- PENYELEWENGAN PEMBAYARAN

2. **Tuan Ahmad bin Othman** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa banyak

para majikan melakukan penyelewengan untuk membayar wang caruman KWSP bagi pihak pekerja-pekerja dalam tempoh yang ditetapkan dan jika sedar berapakah bilangan majikan yang membuat kesalahan itu sudah diambil tindakan undang-undang di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjawab soalan yang lebih kurang sama yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latiff pada 10hb Disember yang baru lalu ini. Oleh yang demikian saya tidak ada apa-apa tambahan lagi mengenai soalan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Paramjit Singh.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 3.

INTEGRASI KAUM

3. **Datuk G. Pasamanickam** (*di bawah S. O. 23(2)*) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki integrasi perkauman di Malaysia; dan
- (b) sebab-sebab mengapa orang-orang bukan Melayu berturut-turut dirujuk sebagai pendatang hingga ke hari ini.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab:

- (a) bagi tujuan untuk memperbaiki lagi integrasi kaum di Malaysia, Kerajaan sedang dan akan mengambil langkah-langkah tertentu, antaranya meneruskan seruan ke arah kebaikan, mencuba menanam nilai-nilai

yang mulia yang secukupnya dengan Islam, mengembangkan pelajaran dan penggunaan Bahasa Kebangsaan tanpa menyekat penggunaan bahasa-bahasa lain, membentuk kebudayaan kebangsaan, mengumpul sekolah-sekolah berbagai bahasa di dalam satu kampus dan lain-lain mindakan yang dianggap sesuai untuk integrasi kaum. Dalam hubungan ini Jabatan Perpaduan Negara misalnya menjalankan strategi penggalakkan untuk meninggikan perasaan muhibbah dan perpaduan di antara masyarakat yang berbilang keturunan dengan mengadakan program-program kejiranan, khemah kerja perpaduan, kelas TABIKA perpaduan, penerbitan risalah-risalah mengenai adat resam rakyat Malaysia dan beberapa aktiviti lain. Jabatan Perpaduan Negara ini juga melaksanakan program pencegahan yang bertujuan untuk mengesan perhubungan kemasyarakatan dan perkembangan sesuatu isu perkauman dan mencegah daripada berlakunya sesuatu kejadian yang boleh menjejaskan hubungan antara kaum.

Bagi menjawab bahagian (b), saya tidak sedar bahawa orang-orang bukan Melayu berturut-turut dirujuk sebagai pendatang hingga ke hari ini, kalau ada sekalipun rujukan dibuat adalah di dalam konteks sejarah negara ini di mana perkataan pendatang itu adalah digunakan bukan dengan tujuan untuk merendahkan mana-mana keturunan.

FIELD MARSHAL KEPADA BEKAS PANGLIMA ANGKATAN TENTERA

4. **Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada

Kementeriannya bercadang untuk memberi pangkat Field Marshal kepada Panglima Angkatan Tentera yang berkelayakan apabila tamat tempoh perkhidmatannya sebagai Panglima Angkatan Tentera supaya ianya dapat dikekalkan di dalam Angkatan Tentera Malaysia untuk terus memberi perkhidmatan secara penasihat kepada Kerajaan sepanjang hayatnya.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Kerajaan tidak bercadang untuk melantik mana-mana bekas Panglima Angkatan Tentera untuk memegang pangkat Field Marshal.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim.

Dato Kamaruzaman bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke 5.

INDUSTRI BINAAN BAGI BAHAN TEMPATAN

5. **Dato Kamaruzaman bin Ahmad** (*di bawah S. O. 23(2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) langkah-langkah Kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak bahan-bahan tempatan digunakan dalam industri binaan; dan
- (b) usaha Kerajaan meningkatkan penyelidikan serta mutu bahan-bahan binaan tempatan supaya setanding dengan barangan import.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat dalam bidang perumahan lebih dari 90% bahan-bahan binaan yang digunakan ialah bahan-bahan binaan tempatan. Selain daripada itu, semua

tawaran tender kerja-kerja pembinaan Kerajaan mensyaratkan supaya bahan-bahan binaan tempatan digunakan dan bahan-bahan binaan import hanya boleh digunakan sekiranya tiada terdapat negara ini.

- (b) untuk meningkatkan lagi penyelidikan di dalam bidang perumahan termasuk bahan-bahan binaan, Kementerian saya sedang mengkaji untuk mengadakan kemudahan makmal bagi menjalankan penyelidikan gunaan. Selain daripada itu, Kementerian saya bercadang untuk menjalankan penyelidikan tertentu berhubung dengan bahan-bahan binaan tempatan dengan kerjasama institusi-institusi pelajaran tinggi.

Berhubung dengan aspek kedua soalan ini untuk makluman Yang Berhormat bagi sebahagian besar bahan-bahan binaan tempatan, mutunya adalah tinggi dan setanding dengan bahan-bahan binaan daripada luar negeri.

Piawaian-piawaian yang ditetapkan oleh Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) bagi bahan-bahan binaan tempatan adalah setanding dengan piawaian-piawaian yang terdapat di luar negeri. Walau bagaimanapun, industri pengeluaran bahan-bahan binaan tempatan perlu sentiasa meningkatkan teknologi pengeluaran supaya bahan-bahan binaan yang dihasilkan menepati piawaian-piawaian yang telah ditetapkan itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Sehubungan dengan mengutamakan bahan-bahan tempatan untuk industri binaan, sebagaimana yang saya difahamkan benarkah bangunan

Dayabumi itu, iaitu bahagian mar-mar adalah diimport daripada Italy, sedangkan menurut apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahan-bahan tempatan kita adalah lebih tinggi mutunya. Apakah benar bahan mar-mar Langkawi itu lebih rendah mutunya daripada mar-mar yang diimport daripada Italy?

Dato S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu benarkah atau tidak marble yang digunakan di bangunan Dayabumi itu diimport atau dari tempatan, tetapi seperti saya telah menjelaskan lebih daripada 90% bahan-bahan bagi bangunan adalah bahan-bahan tempatan dan cuma kebenaran diberi untuk menggunakan bahan-bahan di import bagi bahan-bahan yang tidak dapat di negara kita atau mutunya kurang.

SYARIKAT INSURAN BUMIPUTERA

6. **Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa banyak syarikat insuran nyawa kepunyaan Bumiputera;
- (b) berapa banyak "general insuran" kepunyaan Bumiputera; dan
- (c) jumlah semua syarikat insuran di Malaysia.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, terdapat 3 kategori syarikat insuran yang telah didaftarkan di bawah Akta Insuran 1963 di dalam negara kita ini seperti berikut:

- (i) syarikat yang hanya menjalankan perniagaan insuran nyawa.
- (ii) syarikat yang hanya menjalankan perniagaan insuran am.
- (iii) syarikat yang menjalankan kedua-dua jenis perniagaan insuran nyawa dan insuran am.

Bilangan syarikat insuran bumiputera iaitu syarikat yang mempunyai 51% atau lebih penyertaan equity bumiputera adalah seperti berikut:

- (i) terdapat sebuah syarikat bumiputera dari 5 buah syarikat insuran yang hanya menjalankan perniagaan insuran nyawa.
- (ii) kemudian pula terdapat 9 buah syarikat bumiputera dari 44 buah syarikat yang hanya menjalankan perniagaan insuran am sahaja; dan
- (iii) terdapat 4 buah syarikat bumiputera dari 14 buah syarikat insuran yang menjalankan kedua-dua perniagaan insuran am dan insuran nyawa.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah semua syarikat insuran yang didaftarkan di negara kita ini pada masa sekarang ialah sebanyak 63 buah.

Tuan Harun bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu berapakah pula syarikat-syarikat insuran bumiputera yang telah ditutup, sekiranya ada, mengapakah syarikat-syarikat itu ditutup.

Dato Sabbaruddin Chik: Setakat yang saya tahu tidak ada yang ditutup baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua.

KEMAHIRAN MANIPULATIF

7. **Dato' G. Pasamanickam** minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa sepatutnya kemahiran manipulatif dilaksanakan pada tahun 1986 tetapi telah ditunda pada tahun 1987. Apakah sebabnya ditunda sedangkan kemahiran ini bertujuan menghasilkan masyarakat yang dinamik sepertimana yang dikehendaki oleh Kerajaan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, kemahiran manipulatif adalah satu matapelajaran yang bercorak praktik. Matapelajaran ini bertujuan untuk memperkembangkan kemahiran menggunakan alat tertentu dalam kerja-kerja menyelenggara, membaiki dan membuat sesuatu yang ada kaitan dengan bidang teknik.

Matlamat matapelajaran ini ialah untuk melahirkan masyarakat Malaysia, dengan izin, technically literate atau cetek dalam bidang teknik.

Tuan Yang di-Pertua, matapelajaran ini telah diperkenalkan secara percubaan di kelas-kelas darjah satu dan darjah dua pada tahun 1984 dan 1985 di 74 buah sekolah rendah di seluruh negara. Berasaskan matlamat maklum balik dari fasa percubaan ini sedikit masalah telah dikesan mengenai pelaksanaannya. Walaupun saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa matapelajaran ini adalah penting. Masalah yang terdapat ialah ciri persamaan matapelajaran ini dengan penyelidikan seni dan kesulitan untuk memasukkan aspek teknikal ke dalam kurikulum kelas-kelas tahap satu KBSR. Pada keseluruhannya didapati bahawa kemahiran manipulatif lebih sesuai diperkenalkan mulai tahun 4, tahap 2 KBSR.

Keputusan untuk memulakan matapelajaran hanya di tahap dua juga dapat mengurangkan perbelanjaan hampir separuh daripada jumlah wang yang diperlukan jika diajar dari tahun 1 hingga tahun 6. Hakikat ini telah diberi pertimbangan dalam keadaan kewangan negara sekarang. Atas sebab-sebab di atas Tuan Yang di-Pertua, iaitu kesesuaian matapelajaran ini dengan peringkat umur murid dan masalah kewangan, maka perancangan semula telah dibuat dan adalah dicadangkan

matapelajaran ini mula dilaksanakan di semua tahun 4 pada tahun 1987.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani Othman.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke 8.

DEREGULATION DI SEKTOR KEWANGAN

8. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan apa erti "deregulation" di sektor kewangan; sejauhmana pihak Bank Negara bersanggupan melaksanakan proses "deregulation" supaya sektor kewangan akan hidup dan berkembang secara teratur, cekap dan meyakinkan.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, "deregulation" dalam sektor kewangan bermakna kelonggaran diberi kepada bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan untuk melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan baru.

Adalah dijangka kelonggaran ini akan dapat mewujudkan persaingan di antara institusi-institusi kewangan dan seterusnya dapat menghasilkan kaedah-kaedah pasaran-pasaran kewangan yang baru yang mungkin juga institusi-institusi yang baru selaras dengan keadaan pasaran wang dan modal. Sungguhpun demikian, untuk menjamin keyakinan umum tentang keselamatan dan kukuh sistem kewangan, pengawalan dan pengawasan yang lebih ketat masih lagi diperlukan. Ini adalah untuk menjamin supaya sistem kewangan kita bukan sahaja dapat bersaing, tetapi juga kukuh dan bebas dari penyalahgunaan.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, "deregulation" bukanlah bermaksud memberi kebebasan mutlak kepada institusi-institusi kewangan untuk melibatkan diri dalam sebarang kegiatan baru. Proses kelonggaran ini telah pun bermula dengan membenarkan syarikat-syarikat kewangan berurusan dalam pasaran wang dan membenarkan cadangan penyertaan bank-bank saudagar dan bank-bank perdagangan dalam perusahaan broker saham di negara kita ini.

**BAHAN MAKANAN/JUALAN
MURAH DI PUSAT
MEMBELI BELAH**

9. **Dato Kamaruzaman bin Ahmad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah beliau sedar bahawa:

- (a) terdapatnya beberapa jenis bahan makanan yang sudah tamat tempoh gunanya masih lagi dijual di pusat-pusat membeli belah; dan
- (b) terdapat pusat-pusat membeli belah yang menggunakan iklan "Jualan Murah" dan sebagainya untuk menipu para pengguna.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedar tentang terdapatnya beberapa jenis bahan makanan yang sudah tamat tempoh gunaannya masih lagi dijual di pusat-pusat membeli belah di negara ini. Peraturan-peraturan Makanan 1985 di bawah Akta Makanan 1983 ada menetapkan keperluan bagi penandaan tarikh pada label-label bahan-bahan makanan tertentu. Walaupun, ianya dikuatkuasakan pada 1hb Oktober, 1985, tempoh masa selama satu tahun telah diberikan oleh Menteri kepada pemeroses-pemeroses makanan untuk mematuhi sepenuhnya peruntukan perundangan tersebut. Para pengguna

sendiri boleh memainkan peranan masing-masing dengan tidak membeli makanan-makanan yang sudah tamat tempoh gunaannya. Pihak Penguatkuasaan Kementerian Kesihatan sedang mempertingkatkan pemeriksaan terhadap makanan-makanan tersebut. Contoh-contoh makanan yang sudah tamat tempoh gunaannya, adalah dianalisa dan jika bahan-bahan makanan tersebut didapati tidak lagi sesuai untuk dimakan tindakan mahkamah akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan (b), saya sedar kemungkinan adanya peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan terutamanya di musim-musim perayaan untuk membuat tawaran "Jualan Murah" dan sebagainya yang palsu dan mengelirukan bagi tujuan menarik pengguna-pengguna supaya datang beramai-ramai dan membeli barang-barang di kedai mereka. Menyedari hakikat ini, pegawai-pegawai Kementerian saya sentiasa membuat pemeriksaan mengejut dari masa ke semasa untuk menentukan supaya tawaran "Jualan Murah" yang dibuat benar-benar menepati peruntukan Akta Perihal Dagangan 1972. Pemeriksaan mengejut ini akan dipertingkatkan apabila menjelang musim perayaan. Sebarang tawaran "Jualan Murah" yang palsu dan mengelirukan akan diambil tindakan tegas oleh Kementerian saya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di sepanjang tahun ini sehingga bulan Oktober, 1985, Kementerian saya telah mengambil 30 kes tawaran "Jualan Murah" yang palsu dan mengelirukan yang melibatkan barang-barang rampasan bernilai \$43,138.05. Tindakan mahkamah sedang dijalankan terhadap para peniaga yang tidak bertanggungjawab ini.

Kementerian saya sedang mengkaji semula Akta Perihal Dagangan 1972 untuk memastikan sama ada peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta itu cukup dan memadai untuk membanteras aktiviti "Jualan Murah" yang palsu dan mengelirukan ini. Pindaan sewajarnya akan dibuat ke atas Akta itu jika peruntukan-peruntukan di dalamnya didapati tidak cukup dan memadai.

Dalam hubungan tawaran "Jualan Murah" ini, penguatkuasaan Undang-undang oleh Kerajaan semata-mata tidaklah begitu berkesan tanpa sokongan pengguna-pengguna sendiri. Pengguna-pengguna hendaklah memainkan peranan yang lebih berkesan lagi supaya jangan mudah terpedaya dan terpengaruh dengan tawaran "Jualan Murah" yang dibuat oleh para peniaga. Mereka hendaklah lebih berhati-hati di dalam setiap pembelian mereka dan hanya membeli barang-barang jika barang-barang itu benar-benar perlu dan berpatutan harganya.

Tuan Ahmad bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat pertanyaan kepada Yang Berhormat Timbaian Menteri iaitu berhubung dengan penjualan murah di kedai-kedai yang menggunakan berbagai-bagai cara yang saya rasa yang mana pihak Kementerian telah pun mengambil daya usaha menangkap dan mengenakan beberapa banyan denda. Saya mengucapkan ribuan terima kasih akan tetapi adakah pihak Kementerian sedar di dalam bulan Disember ini merata-rata tempat di pusat-pusat membeli-belah, mengadakan iklan dan juga menaruh sebuah motokar di tepi kedai mereka untuk menarik para pelanggan, atau para pengguna untuk membeli dengan mendapatkan hadiah sebuah motokar, jika sekiranya tekakan hari ulangtahun, pembukaan pihak supermarket yang tersebut.

Ini memang tidak boleh dibuat dengan kerana ini sudah menipu pihak pengguna. Kalau Kementerian sedar tidak payah lagi suruh pengguna untuk memberitahu kerana kalau kita tengok motokar dengan iklan yang besar, apa dia tindakan ataupun tindakan yang patut dibuat oleh Kementerian, di depan mata sendiri yang berada, maka Kementerian tidak mengambil tahu, tidak guna kita minta para pengguna untuk memberi tahu supaya tindakan-tindakan yang heridak dibuat. Ini saya hendak tanya pihak Timbalan Menteri, adakah pihak Yang Berhormat Timbaian Menteri sedar perkara ini yang berlaku sekarang di seluruh negara di dalam musim bulan Disember ini?

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya belum sedar perkara ini dan terpaksa diperiksa dan disiasat terlebih dahulu sebelum apa-apa tindakan dapat diambil.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas jawapan yang panjang daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Ini satu perkara saya ingin bertanya, barangkali Dato Timbalan Menteri sendiri ada menerima hamper atau tidak, tetapi saya ada menerimanya, tetapi di dalam hamper kalau dibuka lebih kurang 90% semuanya barangnya tidak boleh dipakai, lebih kurang barang 10 tahun dahulu. (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua: Apa soalnya, Yang Berhormat?

Dato G. Pasamanickam: Pegawai-pegawai Kerajaan memang hendak pergi periksa barang-barang itu, adakah barang-barang yang dijual itu barang lama atau tidak, ada juga periksa dan saya ucapkan terima kasih. Tetapi adakah mereka periksa hamper-hamper ini? Sekarang ini tiap-tiap tahun kita ada perayaan

Deepavali, ada Tahun Baru Cina, ada Krismas, ada Hari Raya, memanglah banyak-hari besar dalam negara kita. Ini bukannya tipu, dia letak sahaja, cantik-cantik macam anak dara belum kahwin," rupanya memang menarik hati kita tetapi apabila barang itu sudah dibawa, sudah hancur, bukan anak dara lagi, sudah tua. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahan, Yang Berhormat?

Dato G. Pasamanickam: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengambil tindakan di atas penipu-penipu barang ini atau kedai-kedai ini?

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, jika ada aduan, Kementerian akan memeriksa dan mengambil tindakan. Jikalau Yang Berhormat itu menerima barang itu, anak darakah, bukan anak darakah, periksa dahulu, dia boleh serahkan balik orang yang memberikannya. (*Ketawa*)

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sedikit sahaja kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jual murah boleh diambil tindakan, macam mana kalau jual habis-habisan? Istilahnya sama atau tidak dan adakah Undang-undang itu serupa dan boleh diambil tindakan, kerana "clearance sale" ini kadang-kadang menyerupai "Jual murah" sebab pada setengah tahun dia jual murah dan hujung tahun dia adakan clearance sale, yang mana satu tindakan akan diambil.

Dato' Oo Gin Sun: Mengikut Undang-undang, Tuan Yang di-Pertua, jikalau ada satu kontrak yang tetap macam mana jual pun, jual murahkah, clearance salekah, tindakan boleh diambil mengikut kontrak itu.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan sama ada

pihak pusat membeli-belah perlu mendapat kebenaran "ataupun keizinan terlebih dahulu untuk menggunakan iklan jualan murah, jualan habis-habisan, jualan menghabiskan stok, jualan murah menjelang sesuatu perayaan dengan tujuan menarik minat pelanggan kerana iklan di atas amat mengelirukan suri-suri rumahtangga dan orang ramai?

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian saya tiap-tiap Supermarket, setiap musim pun ada jual murah ini dan jual murah itu. Tetapi saya berharap rakyat yang pergi hendak membeli mestilah menjaga, jikalau ada harganya tidak betul berilah aduan kepada Kementerian, Kementerian saya boleh mengambil tindakan.

Datuk Ishak bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pihak Menteri atau Kerajaan bercadang supaya mengadakan satu undang-undang kepada penjual-penjual ataupun pasaraya-pasaraya (supermarket) sebelum pasaraya (supermarket) itu mengadakan jualan murah, jualan habis-habisan dan sebagainya, terlebih dahulu pihak yang berkenaan supermarket atau pasaraya itu mendapatkan izin daripada Kementerian yang berkenaan, bukan seperti sekarang ini bila masa sahaja pihak supermarket ataupun pasaraya itu hendak mengadakan jualan terus mengadakan poster, terus buka pintu dan terus adakan jualan, kemudian pihak Kementerian menunggu laporan daripada rakyat, menunggu laporan daripada orang ramai baru hendak mengambil tindakan, ini soalan saya.

Dato' Oo Gin Sun: Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini tidak ada tetapi Kementerian saya boleh timbangkan, supaya satu undang-undang baru dibuat.

**PELABUHAN BARAT
DI KELANG-PEMBINAAN**

10. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah usaha Kerajaan setelah Bank Dunia menolak permohonan pinjaman untuk membina Pelabuhan Selatan; dari manakah pula sumber kewangan untuk menjayakan projek tersebut.

Puan Hajjah Rahmah hinti Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu ada sedikit kekeliruan. Jika ianya berkenaan dengan pinjaman Bank Dunia, pelabuhan yang dimaksudkan, saya percaya ialah untuk Pelabuhan Barat bukan Pelabuhan Selatan di Pelabuhan Kelang.

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Dunia tidak menolak permohonan pinjaman untuk membina Pelabuhan Berat di Pelabuhan Kelang tetapi telah meminta supaya projek ini ditunda ke tahun 1990 atas alasan bahawa capacity kemudahan-kemudahan pelabuhan yang sedia ada masih boleh dipertingkatkan lagi.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, ditunda kepada tahun 1990 itu bererti sudah ditolak. Jadi, ada setengah-setengah pendapat yang mengatakan iaitu Bank Dunia ini selalunya mengenakan syarat-syarat yang sangat luar biasa kepada negara-negara yang meminjam. Satu daripada syarat yang pernah kita dengar ialah negara peminjam itu hendaklah mengamalkan dengan sesungguhnya perancangan keluarga barulah Bank Dunia ini mengeluarkan pinjaman, adakah ini benar?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, agak Yang Berhormat itu keliru sedikit dalam soal takrif tadi yang diberikan, "ditunda" dengan "ditolak". Ditolak

itu langsung tidak dipertimbangkan, ditunda ini masih ada pertimbangan lagi Yang Berhormat. Sebab itu saya jelaskan tadi ditunda ke tahun 1990 atas alasan bahawa capacity pelabuhan itu boleh lagi. Dia tidak mengatakan ditolak dan tidak mahu berbincang lagi.

Soalan kedua, adalah tidak benar Yang Berhormat kerana pinjaman ini khususnya kepada pelabuhan dan tidak disyaratkan berkenaan dengan perancangan keluarga.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan. Kata Yang Berhormat Timbalan Menteri rancangan itu ditunda dengan alasan kerana pelabuhan itu mempunyai capacity yang memadai untuk dipertingkatkan. Baik, kita terima alasan itu. Tetapi mengapa pihak pelabuhan ini ingin membuat pinjaman sekiranya capacity masih memadai? Jadi, dengan sendirinya kita memahamkan apabila sampai tahun 1990 maka boleh jadi orang-orang pihak kita yang membuat kertas kerja pun sudah bosan, langsunglah tamat tidak hendak lagi pinjaman itu. Jadi, saya tidak dapat menerima apa yang dikatakan dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi atas alasan ditunda kerana capacity kita cukup. Saya menganggap itu adalah tidak dipertimbangkan lagi, dengan diplomasi.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Bank Dunia memberi kita kesempatan. Kita mengatakan tadi alasan yang diberikan itu, capacity kemudahan di pelabuhan itu kerana kita ada lagi dermaga di antara dermaga yang ke 16 dengan dermaga yang ke 14 ada space yang kosong. Jadi, untuk itu kita " mestilah membangunkan sebelum kita buat satu projek yang lain yang besar yang memakan belanja beratus-ratus juta

lagi, dermaga ini yang hendak diperluaskan kerana capacity dermaga ini boleh menerima kapal-kapal masuk sehingga tahun 1990 atau lewat daripada itu. Jadi, dermaga yang ke-15 itulah yang sekarang ini akan kita perbaiki mencukupi alat-alatnya untuk memberi kemudahan kepada kargo-kargo masuk ke situ daripada kita menggunakan satu pembangunan yang lain, kerana pelabuhan sekarang ini mampu. Dan untuk makluman Yang Berhormat Bank dunia telah pun memberikan \$50 juta pinjaman.

MINYAK SAWIT- HARGA/PASARAN

11. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah usaha-usaha yang pantas serta berkesan yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan harga dan pasaran Minyak Sawit, daripada kadar yang semakin menurun sekarang. Usaha yang dimaksudkan ialah langkah dan peranan yang dimainkan baik dalam negeri ataupun di peringkat antarabangsa.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Utama sememangnya sedar atas kejatuhan ketara harga minyak kelapa sawit tempatan yang dialami semenjak bulan-bulan yang lalu di mana harga purata minyak kelapa sawit mentah bagi bulan Oktober adalah \$661 setan dan \$685 setan bagi bulan November. Namun demikian, pada masa ini harga minyak kelapa sawit mula pilih semula dan harganya telah mencapai paras M\$764 setan pada 7hb Disember tahun ini dan \$799 setan pada 18hb Disember tahun ini. Pemulihan ini adalah disebabkan menjelangnya musim pengeluaran yang berkurangan di negara kita, di mana pengeluaran minyak kelapa sawit mentah dijangka berkurangan bagi tiga bulan akan datang ini. Pengeluaran

minyak kelapa sawit mentah pada bulan September adalah \$517,806 tan, pada bulan Oktober ianya meningkat ke 548,300 tan. Pada bulan November menurun ke lebih kurang 460,000 tan dan pengeluaran bulan Disember dijangka lebih kurang 400,000 tan.

Di samping itu, musim kemarau yang berterusan di Brazil telah mempengaruhi pengeluaran kacang soya dan ianya juga telah melambatkan penanaman kacang soya untuk musim yang akan datang.

Suka saya menjelaskan bahawa turun-naik harga minyak kelapa sawit adalah lebih dipengaruhi oleh faktor-faktor asing di luar kawalan negara memandangkan bahawa bahan ini hanya merupakan satu daripada 16 jenis minyak dan lemak utama di dunia yang bersaing sengit di antara satu sama lain di dalam kompleks pasaran minyak dan lemak dunia. Walaupun begitu, beberapa langkah dalam lingkungan kemampuan Kerajaan dan perusahaan kelapa sawit telah dan sedang diambil untuk menghadapi kesan-kesan masalah harga.

Baru-baru ini Kerajaan telah pun mengadakan dua misi galakan dengan tujuan mempromotkan lagi usaha meningkatkan pasaran barangan utama Malaysia di mana satu misi yang dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian ke India telah pun dilakukan. Di samping itu saya sendiri juga telah mengetuai satu misi galakan ke Jepun dan Korea.

Kementerian saya sedang meningkatkan usaha-usaha galakan dengan tujuan menembusi pasaran minyak dan lemak dunia supaya potensi minyak kelapa sawit Malaysia dapat dicapai dengan memperkukuhkan lagi syer pasaran

penggunaan minyak dan lemak dunia serta menembusi dan memperluaskan pasaran minyak kelapa sawit ke pasaran-pasaran tradisional dan baru. Dalam hubungan ini, Kementerian saya sedang merancang untuk menghantar satu misi teknikal ke Amerika Syarikat pada awal tahun depan untuk menembusi potensi pasaran yang lebih luas di Amerika Syarikat di mana prospek pembelian oleh pengguna-pengguna Amerika Syarikat terhadap minyak kelapa sawit Malaysia khususnya minyak isirong kelapa bagi pasaran confectionary adalah amat baik.

Kerajaan akan terus meningkatkan usaha-usaha meningkatkan produktiviti melalui program-program penyelidikan dan pembangunan terutama dari segi agronomi, kejuteraan genetik, kejuteraan ladang demi mengurangkan kos pengeluaran agar minyak kelapa sawit Malaysia dapat bersaing dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Kerajaan khususnya kepada Menteri Perusahaan Utama yang begitu menjalankan usaha-usaha bagi meningkatkan pasaran dan menaikkan harga minyak sawit iaitu bahan utama kepada eksport negara kita. Oleh kerana sawit ini menjadi suatu punca utama kepada penghasilan negara, saya tertarik hati untuk membuat soalan yang mendalam sedikit atas kenyataan Yang Berhormat Menteri bahawa pengaruh-pengaruh yang di luar daripada dugaan dan di luar daripada pengetahuan kita adalah faktor yang utama menyebabkan turun naiknya harga pasaran sawit dunia.

Oleh itu pertandingan dan persaingan negara-negara luar terutama negara-negara jiran kita

yang sekarang ini mengeluarkan dan menanam sawit secara besar-besaran, adakah pihak Menteri sedar bahawa ada pegawai-pegawai kita yang berhenti dan bersara, pakar-pakar benih sawit kita yang tinggi mutunya telah dibeli, orang-orang tertentu ini, pakar-pakar ini telah dibeli oleh negara-negara luar untuk meningkatkan penanaman kelapa sawit mereka. Kalau ini berlaku, negara kita akan lingkup dalam segi pengeluaran kelapa sawit. Adakah pihak Menteri sedang mengawasi perkara yang amat penting ini?

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, adalah dasar Kerajaan untuk mengharamkan eksport benih kelapa sawit ke luar negeri tetapi kalau negara-negara yang lain suka mendapat benih kelapa sawit dari Malaysia, Kabinet boleh menimbangkan permohonan ini. Apa yang saya suka memberitahu Dewari yang mulia ini iaitu adalah tanggungjawab Kementerian saya untuk menjaga harga minyak kelapa sawit yang sesuai bagi kepentingan rakyat di negara kita.

Dato' G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri, bila soal minyak kelapa sawit timbul, saya selalu dengar orang India sudah beli, orang China tidak beli atau dia beli dari lain negeri, oleh kerana itu harga sudah jatuh. Apa sudah jadi, ini dua negeri sahajakah, orang putih tidak makan kita punya minyak! (*Ketawa*). Apa sebab negeri-negeri ini tidak beli, adakah dia gunakan lain minyak, tetapi dia punya barang banyak kita beli, motokar kita beli, lain-lain barang semua kita beli. Apa sebabnya mereka tidak beli atau dia mogok dengan negara ini. Bolehkah Yang Berhormat Menteri timbang atas perjara ini. Inilah soalan saya.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun yang lalu Malaysia mengeksport minyak kelapa

sawit sebanyak 3.2 juta tan yang mana Malaysia telah mengeksport 720,000 tan ke India sahaja. Adalah memang menjadi dasar bagi Kementerian saya untuk meluaskan minyak kelapa sawit ke pasaran-pasaran yang baru, bukan menumpu terhadap pasaran-pasaran yang berada sahaja.

KOS PENYELENGGARAAN PELABUHAN/LAPANGAN TERBANG

12. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan kos penyelenggaraan bagi pelabuhan-pelabuhan dan lapangan-lapangan terbang seluruh negara dan nyatakan sama ada Kerajaan akan menswastakan bidang-bidang perkhidmatan ini.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu kurang jelas sedikit dan tidak menyatakan tahun berapakah jumlah kos penyelenggaraan bagi pelabuhan-pelabuhan dan lapangan-lapangan terbang tersebut. Walau bagaimanapun, sukacita saya maklumkan jumlah kos penyelenggaraan bagi tahun 1984 dan 1985 sahaja.

Bagi tahun 1984 kos penyelenggaraan bagi pelabuhan-pelabuhan adalah sebanyak \$43.96 juta dan tahun 1985 adalah sebanyak \$35.2 juta, manakala kos penyelenggaraan bagi lapangan-lapangan terbang pula adalah sebanyak \$12.1 juta untuk tahun 1984 dan \$12 juta untuk tahun 1985.

Berhubung dengan cadangan Kerajaan untuk menswastakan bidang-bidang perkhidmatan ini, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, setengah perkhidmatan di pelabuhan seperti penyelenggaraan bangunan dan alat jentera mekanikal adalah dilakukan oleh pihak swasta.

Pihak pelabuhan-pelabuhan juga sedang mengkaji kemungkinan menswastakan perkhidmatan-perkhidmatan lain. Pada masa ini Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan menswastakan kategori-kategori perkhidmatan yang diperlukan di lapangan-lapangan terbang tertentu di negeri ini. Sungguhpun demikian beberapa perkhidmatan seperti penyelenggaraan kapal terbang, kebersihan bangunan-bangunan terminal, pengendalian restoran-restoran dan Kedai-kedai Bebas Cukai serta pengendalian kargo telah pun diswastakan kepada pihak-pihak tertentu.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan pelabuhan yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebanyak \$43.96 juta bagi tahun 1984, apakah peruntukan ini termasuk dengan peruntukan rancangan Pelabuhan Kecil di Kelantan yang sudah tidak jadi. Lapangan terbang sebanyak \$12.1 juta bagi tahun 1984, apakah ini juga termasuk peruntukan memperbesarkan landasan Lapangan Terbang Pengkalan Chepa di Kelantan yang telah dipindahkan ke Kuantan?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, kalau sudah tidak masuk itu, tidak adalah dalam ini, tidak perlulah disebutkan.

PELUANG KERJA DI JABATAN KERAJAAN

13. **Puan Sri Janaki Athi Nahappan** minta Menteri Buruh menyatakan adakah beliau sebarang rancangan supaya pekerja-pekerja di kilang-kilang yang mengalami masalah pengganguran itu mendapat peluang kerja di tempat-tempat yang lain khususnya di Jabatan-jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun serta di Penguasa-penguasa Tempatan.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan tiada sebarang rancangan untuk mengambil pekerja-pekerja yang menganggur berkhidmat dengan Kerajaan, Walau bagaimanapun, mereka yang mempunyai kelayakan akademik yang ditetapkan boleh memohon untuk mengisi jawatan-jawatan kosong di Jabatan-jabatan Kerajaan, badan-badan berkanun atau Penguasa-penguasa Tempatan apabila dikeluarkan iklan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, bilangan pekerja-pekerja kilang yang telah berhenti kerja atau ditamatkan kerja yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian saya sejak bulan Januari hingga Oktober tahun ini adalah seramai 1,085 orang. Dari jumlah itu, seramai 119 orang telah pun ditempatkan ke dalam pekerjaan kesemuanya di sektor swasta.

RTM/TV3 - GAMBAR BARAT MENYERONOKKAN

14. **Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said** minta Menteri Penerangan menyatakan apabila kita menonton RTM atau TV3, kita akan dapat melihat gambar dari barat atau ala-barat dan semua tindak-tanduk yang dipamerkan ini amat menyeronokkan muda-mudi kita; adakah pihak Kementerian yang berkenaan akan mengekalkan dasar ini buat selama-lamanya.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, dari segi dasar, tentulah tidak akan menjadi dasar yang gagal untuk kita membuat selama-lamanya, cuma mempamerkan atau menayangkan gambar-gambar daripada barat atau ala-barat untuk memberikan keseronokan kepada seluruh muda-mudi kita.

Sebenarnya adalah menjadi hasrat Kementerian saya supaya TV Malaysia dan juga TV3 akan dapat menyiarkan sebanyak mungkin rancangan-rancangan terbitan tempatan dalam berbagai bentuk seperti drama, documentary, hiburan dan juga rancangan-rancangan bagi wanita, kanak-kanak, belia dan remaja iaitu rancangan-rancangan yang akan memberi faedah kepada rakyat negara ini yang terdiri daripada berbagai golongan dan kaum sama ada yang tinggal di bandar mahupun di luar bandar.

Pada masa ini, Kementerian saya telah melaksanakan dasar dan projek-projek yang boleh meningkatkan lagi penerbitan tempatan ini iaitu melalui pembelian lebih banyak peralatan dan juga mengswastakan setengah-setengah penerbitan kepada pengeluaran filem atau penerbitan rancangan TV yang terdapat di negara ini.

Rancangan-rancangan yang telah diswastakan termasuklah rancangan drama dan hiburan. Walau bagaimanapun, penambahan ini tidak dapat menampung semua masa siaran TV sama ada bagi TV Malaysia atau TV3.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya adalah sentiasa sedar dengan perlunya tambahan rancangan-rancangan tempatan yang lebih sesuai ditonton oleh semua lapisan masyarakat. Malah pihak Kementerian juga sedar akan perlunya diadakan rancangan-rancangan yang membina bagi membantu proses pembangunan negara dari segi rohani dan jasmani. Oleh itu, Kementerian saya sentiasa membuat rancangan untuk menambah penerbitan tempatan yang meliputi berbagai bidang sama ada dari segi pendidikan umum, sosial dan budaya lebih-lebih lagi yang menuju ke arah penerapan nilai-nilai Islam dan nilai-nilai baik lainnya yang diamalkan oleh berbagai

golongan kaum di negara ini selaras dengan prinsip-prinsip rukunegara, insya Allah. (*Ketawa*).

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap banyak terima kasihlah jawapan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Alhamdulillah, saya tanya satu sahaja. (*Ketawa*). Memandangkan hampir semua gambar-gambar atau bahasa, kalau saya tidak silap adalah lebih kurang 60% dalam bahasa Inggeris. Sungguhpun negara kita sudah merdeka sudah lebih kurang 30 tahun tetapi nila kita tanya bahasa tempatan supaya diberi lebih masa, cakap tidak ada. Apa sebabnya, orang Putih tidak ada lagi sini, sudah balik. Oleh kerana itu, soalan saya ialah bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi pertimbangan untuk menambahkan lagi masa untuk rancangan bahasa India dan Cina. Saya mahu dapat jawab, jangan jawab boleh timbang sahaja, tetapi berilah jawab yang sewajarnya.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, beberapa kali dalam jawapan saya di dalam Dewan yang mulia ini, saya sudah menggambarkan bahawa untuk menambahkan siaran waktu atau airtime, dengan izin, di dalam TV Malaysia atau RTM dengan pendeknya, oleh kerana ada konstren-konstren kita, oleh kerana dari segi airtime, dari segi proses penerbitan dan sebagainya, buat masa ini cuma kita dengan konstren-konstren itu dapatlah memberikan masa-masa yang kita tentukan satu masa dahulu. Dengan perubahan baru-baru ini yang mana kita sudah mengadakan hari Jumaat, hari Ahad, kita juga sudah ada tambah sedikit-sebanyak dari segi hiburan, dari segi program dan sebagainya. Bila kita mengadakan program macam ini untuk dari segi cubaan afau "trial stage", dengan izin, jikalau ini boleh memberikan satu cara praktikal dan juga boleh kita melalui penerbitan tempatan kita, kalau ada

maka proses ini ada memberikan kesan, barangkali kita akan dari segi penjadualan juga faktor-faktor yang lain mengambil kira. Selepas ini barangkali kita boleh masukkan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator tadi. Jadi, hasrat kita oleh kerana kita pada hari ini kita tidak lari daripada satu hakikat di datam negara kita ini iaitu dari segi integrasi kaum, dari segi perpaduan negara dan sebagainya. Kita RTM atau Kementerian Penerangan adalah satu tanggungjawab atau satu peranan yang penting untuk kita semua memikul, semua dapat memainkan peranan kita supaya melalui program, melalui aktiviti, melalui kegiatan kita bersama-sama dengan Senator-senator, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita dapatlah boleh mengadakan satu keadaan yang lebih sempurna, yang lebih baik dan barangkali adakan satu masyarakat, satu society yang lebih aman, lebih makmur, lebih stabil untuk kita semua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan bagi jawab mulut sudahpun cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 26 adalah diberi di bawah ini).

PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMINEGERI- KEMAJUAN

15. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah benar Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) mengalami kerugian semenjak agensi ini ditubuhkan di seluruh Negara disebabkan rumah-rumah kedai yang dibina tidak dapat

dijual dengan sepenuhnya. Jika benar adakah ianya berpunca daripada:

- (a) reka bentuk rumah tidak sesuai dengan citarasa pembeli (reka bentuk yang tidak menarik);
- (b) rumah yang dibina itu terletak di kawasan-kawasan yang tidak sesuai;
- (c) disebabkan rumah yang dibina tidak sempurna (bocor, simen pecah dan lain-lain lagi); dan
- (d) disebabkan harga tinggi kerana PKEN mencari keuntungan berlebihan seperti Syarikat Swasta.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Adalah tidak benar bahawa Perbadanan Kementerian Ekonomi Negeri (PKEN) mengalami kerugian dan tidak pernah membuat keuntungan semenjak ianya ditubuhkan. Sebagai misalan, bagi akaun berakhir tahun 1983 didapati 9 PKEN telah berjaya membuat keuntungan semasa sementara 4 lagi PKEN masih mengalami kerugian semasa. Bagi tahun 1984 pula sebanyak 11 PKEN dapat mencapai keuntungan semasa, 1 PKEN masih mengalami kerugian semasa sementara 1 lagi PKEN iaitu PKEN Melaka akaunnya masih dalam proses penyediaan.

Adalah juga tidak benar menganggap kerugian yang masih dialami oleh setengah-setengah PKEN itu disebabkan oleh projek perumahan/perkedaian yang masih tidak dapat dijual dengan sepenuhnya. Program perumahan/perkedaian adalah merupakan salah satu program yang dilaksanakan di samping program-program lain seperti pembangunan kawasan perindustrian, penyediaan infrastruktur pelancongan, pembangunan dan pengurusan ladang-ladang awam, pembangunan bandar-bandar baru

dan juga program pelaburan. Program-program tersebut ada yang bercorak sosio-ekonomi dan projek-projek yang pulangnya memakan masa yang lama. Bagi projek-projek yang bersifat sosio-ekonomi, PKEN-PKEN tidak dapat merancang untuk mendapatkan keuntungan.

Adalah diakui bahawa sejak kebelakangan ini oleh kerana akibat daripada kelembapan dalam sektor* harta tanah, PKEN-PKEN tidak dapat menjual kesemua unit-unit rumah/kedai yang dibina. Keadaan ini disebabkan juga oleh cara pembangunan rumah-rumah yang menggunakan secara bersistem di mana jumlah unit-unit dapat disiapkan dalam masa yang singkat yang menyebabkan dalam jangka pendek terdapat jumlah penawaran yang tidak seimbang dengan permintaan. Walau bagaimanapun dengan langkah-langkah pemasaran dan tindakan-tindakan bagi menarik pembeli-pembeli jumlah unit-unit yang masih tidak dapat dijual itu akan dapat dikurangkan.

Dalam merancang pembinaan rumah-rumah /kedai-kedai PKEN seberapa yang boleh berusaha untuk membina rumah-rumah mengikut citarasa bakal-bakal pembeli terutamanya dari segi rekabentuk. Namun demikian, oleh kerana sukar untuk memenuhi kehendak selera dan citarasa bakal-bakal pembeli maka terdapat dakwaan bahawa antara rumah-rumah yang tidak dapat dijual itu disebabkan oleh rekabentuk yang tidak menarik. Mengenai lokasi pembinaan rumah-rumah/kedai-kedai yang dibina oleh PKEN/PKPN itu pula sukalah dinyatakan bahawa pemilihan kawasan adalah juga berasaskan kepada potensi pertumbuhan pada masa akan datang. Oleh sebab itu berlakulah kes-kes di mana rumah-rumah/kedai-kedai itu tidak dibeli pada masa sekarang tetapi ianya mempunyai harapan dari segi pasaran

pada masa yang akan datang. Strategi ini digunakan oleh PKEN sesuai dengan peranannya sebagai "pioneer" dan penggerak bagi sesuatu aktiviti pembangunan.

Dari segi harga pula, sukalah saya menyatakan bahawa oleh kerana matlamat PKEN adalah untuk menjadi pelopor dalam mempengaruhi harga-harga rumah maka harga-harga rumah PKEN-PKEN itu adatah sama ada setanding atau lebih rendah daripada harga bagi rumah-rumah yang dibina oleh pihak swasta. Pembelian rumah-rumah serta sambutan orang ramai adalah juga dipengaruhi oleh sikap pembeli itu sendiri. Kebanyakan rumah-rumah yang tidak mendapat sambutan yang baik daripada pembeli-pembeli adalah terdiri daripada rumah-rumah pangsa yang memerlukan perubahan sikap oleh pihak pembeli sendiri.

SEKOLAH AGAMA ISLAM RAKYAT - PRESTASI

16. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah rancangan-rancangan Kementeriannya bagi memperbaiki dan meninggikan prestasi pembelajaran sekolah-sekolah Agama Rakyat di seluruh negara.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sekolah Agama Islam Rakyat adalah sekolah agama persendirian yang bukan dalam bidang kuasa Kementerian Pelajaran. Tanggungjawab untuk meningkatkan prestasi pembelajaran sekolah-sekolah tersebut sebenarnya terletak di pihak pentadbirannya.

Namun demikian Kementerian Pelajaran telah menjalankan beberapa

langkah untuk membantunya. Antara langkah-langkah itu ialah:

- (i) Menggalakkan pihak sekolah berkenaan mengikuti kurikulum matapelajaran agama dan Bahasa Arab yang disusun oleh Kementerian Pelajaran.
- (ii) Memberi bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah yang memohon bantuan.
- (iii) Menganjurkan kursus jangka pendek dalam perkhidmatan bagi guru besar sekolah Agama Rakyat.

PESAWAT MAS - PERJANJIAN/ JURUTERBANG/KEMALANGAN/ PENSWASTAAN

17. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan pesawat MAS sekarang dari segala jenisnya;
- (b) bilangan serta nama negara yang MAS dapat perjanjian penerbangan dan tempat pendaratan;
- (c) jumlah bilangan Juruterbang MAS bumiputera dan bukan bumiputera;
- (d) berapa buah pesawat MAS yang telah jatuh dalam penerbangan (nahas) serta bilangan penumpang yang terkorban; dan
- (e) adakah pihak Syarikat MAS bercadang lagi untuk menawar penjualan saham yang kedua pula kepada orang ramai, sebab memandangkan penjualan saham baru-baru ini sambutan dari orang ramai sangat menggalakkan. kemungkinan ramai yang kecewa tidak dapat saham MAS.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman:

(a) Pada masa ini Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) mempunyai 35 buah pesawat-pesawat yang terdiri daripada jenis-jenis berikut:

2 buah B 747, 3 buah DC10,
4 buah A 300, 11 buah B
737, 11 buah F 27 dan 4
buah Twin Otter.

(b) Hak-hak pendaratan ke negara-negara asing yang diperolehi oleh MAS adalah dibuat di bawah perjanjian-perjanjian udara yang dimenterikan di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan-kerajaan negara-negara asing. Pada masa ini Malaysia mempunyai perjanjian-perjanjian udara dengan 44 buah negara asing. Daripada jumlah ini MAS mempunyai hak-hak pendaratan ke 39 buah negara asing. Memandangkan senarai nama negara-negara ini panjang, saya memohon izin untuk mengemukakan Senarai nama negara-negara tersebut kepada Yang Berhormat secara bertulis.

(c) Jumlah juruterbang MAS pada masa sekarang ialah 372 orang. Dari jumlah ini seramai 218 merupakan juruterbang bumiputera sementara yang bakinya merupakan bukan bumiputera.

(d) Sejak MAS memulakan operasi dalam tahun 1972, terdapat dua kejadian di mana pesawat-pesawat MAS telah terlibat dalam nahas kapal terbang. Kejadian pertama telah berlaku pada bulan Disember 1977 yang melibatkan pesawat jenis B 737 dan kemalangan itu berlaku di Tanjung Kupang Johor di mana 100 nyawa terkorban iaitu 93 orang penumpang dan 7 orang

anak kapal. Kejadian kedua telah berlaku pada bulan Disember 1983 di mana sebuah pesawat jenis A 300 yang disewa dari Syarikat Scandinavian Airline System telah jatuh terhempas ketika mendarat di Lapangan Terbang Kuala Lumpur. Pesawat itu telah membawa 233 orang penumpang dan 14 orang anak kapal. Walau bagaimanapun, tidak ada nyawa yang terkorban.

(e) Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah pun melaksanakan tindakan menswastakan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) baru-baru ini.

Dalam usaha menswastakan MAS, adalah menjadi tujuan utama Kerajaan untuk melepaskan sebahagian besar daripada saham-saham pegangan dalam syarikat tersebut kepada pihak swasta. Pelepasan saham-saham Kerajaan ini akan dilaksanakan secara berperingkat.

Dalam fasa pertama program penswastakan MAS, Kerajaan telah menawarkan 30% modal saham syarikat-syarikatnya untuk dijual kepada sektor swasta. Selaras dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru, 10% dari jumlah ini telah diperuntukkan khas kepada institusi-institusi Bumiputera yang diluluskan oleh Kerajaan. Di samping itu, 5% lagi telah ditawarkan kepada kakitangan MAS. Saham-saham yang baki telah pun dijual kepada orang ramai.

Kerajaan akan melaksanakan fasa dua program penswastakan MAS pada satu masa yang

sesuai kelak dengan tujuan untuk mengurangkan lagi pegangan modal sahamnya dalam syarikat tersebut.

PENGAJARAN BAHASA DI SEKOLAH-SEKOLAH

18. Tuan Paramjit Singh minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan dan memperbaiki mutu bahasa di sekolah-sekolah.

-Tuan Bujang bin Haji Ulis: Kementerian Pelajaran sentiasa memberi perhatian yang serius terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil. Berbagai langkah diambil untuk memperbaiki mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa di sekolah-sekolah. Antara langkah-langkah itu ialah:

1. Membekalkan sekolah-sekolah dengan guru-guru yang terlatih bagi pengajaran bahasa-bahasa tersebut.
2. Mengadakan kursus-kursus dalam perkhidmatan kepada guru-guru, sama ada di dalam ataupun di luar negeri. Di dalam negeri kursus-kursus bahasa itu diadakan di:
 - (i) Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur.
 - (ii) Pusat Bahasa, Universiti Malaya.
 - (iii) Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
 - (iv) Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran.

Sementara di luar negeri pula, kursus-kursus bahasa itu diadakan di:

- (i) Australia di bawah Rancangan Colombo.

(ii) New Zealand di bawah Rancangan Colombo.

(iii) United Kingdom di bawah bantuan Kerajaan British.

3. Mengadakan Rancangan Bacaan di Sekolah Menengah Rendah dan di Sekolah Rendah untuk Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
4. Mengeluarkan "Jurnal Pengajaran dan Perbelajaran Bahasa". Jurnal ini bertujuan untuk mendedahkan kepada guru-guru, perkembangan semasa dalam kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa.
5. Mengeluarkan dan mengedarkan bahan-bahan pengajaran bahasa-bahasa ke sekolah-sekolah.
6. Memberi nasihat ikhtisas dan mengawasi pengajaran dan pembelajaran bahasa-bahasa tersebut dari semasa ke semasa melalui penyeliaan dan naziran.

SETTINGGAN - JUMLAH DI SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN

19. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan jumlah setinggan yang terdapat di sekitar Wilayah Persekutuan. Adakah Kerajaan bercadang untuk menempatkan semula para setinggan tersebut di kawasan-kawasan yang lebih moden bersesuaian dengan keadaan sekarang.

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Pada tahun 1982, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dianggarkan mempunyai 249,542 orang penduduk setinggan. Kementerian Wilayah Persekutuan memang mempunyai rancangan untuk meningkatkan taraf kehidupan setinggan-setinggan yang terdapat di Bandaraya ini. Beberapa buah

kawasan perkampungan setingan telah dikenalpasti untuk dibangunkan seperti:

- (a) Kampung Sentosa, Petaling-3,000 keluarga.
- (b) Kampung Pandan Tengah-1,500 keluarga.
- (c) Kampung Pasir Wardienburn Setapak-1,700 keluarga.
- (d) Kampung Bakti, Kepong-200 keluarga.
- (e) Kampung Bohol-100 keluarga.
- (f) Kampung Chubadak-1,600 keluarga.

Projek-projek pembangunan ini akan melibatkan 8,100 keluarga. Rancangan Pembangunan ini meliputi pembinaan rumah-rumah kos rendah dan sederhana dan segala kemudahan yang dianggap perlu seperti Dewan, Tadika, Surau, klinik, Sekolah, Balai Polis dan sebagainya. Bilangan unit rumah yang akan dibina akan dapat menampung kehendak setiap keluarga yang terlibat.

(Soalan No. 20, Sila lihat Jawapan No. 11 pada 10-12-85)

PETRONAS-PELABURAN TUNAI

21. **Tuan Abdul Ghani Othman** minta Perdana Menteri menyatakan di manakah PETRONAS meletakkan harta tunainya sama ada di luar negara atau dalam negara, berapa peratus dalam negara dan berapa peratus di luar negara; apakah dasar Kerajaan terhadap Agensi-agensi Kerajaan yang lain dalam soal yang sama.

Datuk Dr James P. Ongkili: Sehingga 30hb November, 1985 pelaburan tunai PETRONAS adalah berjumlah M\$12.1 ribu juta. Dari jumlah ini, sebanyak M\$10.1 ribu juta atau 83% disimpan di dalam negeri sementara bakinya iaitu M\$2.0 ribu juta atau 17% disimpan di luar negeri. Jumlah yang diletak di luar negeri itu

termasuklah pendapatan eksport yang baru diterima yang akan ditukarkan kepada Ringgit sebagaimana diarahkan oleh Bank Negara Malaysia.

Agensi-agensi Kerajaan yang mempunyai kumpulan wang berlebihan adalah dikehendaki menyimpan wang berlebihan mereka dengan institusi-institusi kewangan yang mempunyai kepentingan Kerajaan. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 18 Tahun 1983 bertarikh 30hb September, 1983 mengarah dengan jelas mengenai perkara ini dan menyenaraikan 33 buah institusi-institusi kewangan yang diluluskan bagi tujuan ini.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE CHINA

22. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negeri China.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Saya mohon izin untuk memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun dijawab semasa Yang Berhormat Menteri Luar menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Yusof bin Kassim pada 4-12-85.

Saya tidak ada apa-apa tambahan lagi yang hendak dibuat kepada jawapan tersebut.

LALULINTAS DI KUALA LUMPUR

23. **Dato Kamaruzaman bin Ahmad** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa keadaan lalulintas di Bandaraya Kuala Lumpur adalah sangat-sangat mendukacitakan dan nyatakan sama ada beliau akan menjadikan jalan sehalu sahaja, jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Pihak Kerajaan

memanglah sedar tentang Keadaan lalulintas yang kurang memuaskan di beberapa batang jalan-jalan utama di Bandaraya Kuala Lumpur khususnya dalam tempoh masa puncak pagi dan petang. Kebanyakan keadaan ini adalah disebabkan persimpangan-persimpangan dan bulatan-bulatan tidak mempunyai keupayaan (capacity) yang mencukupi untuk menampung bilangan kenderaan yang melaluinya. Pihak Kerajaan mempunyai rancangan untuk membina semula persimpangan dan bulatan ini supaya menjadi persimpangan bertingkat (interchanges of flyovers) tetapi perlaksanaannya terpaksa ditangguhkan oleh kerana kemelesetan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan menswastakan projek-projek ini.

Dewan Bandaraya tidak berhasrat menjadikan semula jalan-jalan di Bandaraya Kuala Lumpur sebagai jalan sehalu. Ini adalah oleh sebab sistem jalan sehalu bukanlah semestinya akan mengatasi masalah kesesakan lalulintas di sesuatu kawasan. Kejayaan sistem jalan sehalu alternatif yang sesuai untuk lalulintas yang terpaksa dilencongkan oleh sebab operasi sistem ini. Walau

bagaimanapun pihak Dewan Bandaraya akan menjalankan kajian dari masa ke semasa, apabila perlu, untuk mengenalpastikan jalan-jalan yang sesuai dijadikan jalan sehalu.

PENAGIH DADAH-HUKUMAN

24. **Tuan Ahmad bin Othman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejak bulan Januari, 1985 hingga November, 1985 beberapa ramai penagih dadah yang telah ditangkap serta dijatuhkan hukuman dan negeri-negeri manakah yang paling banyak sekali penagih dadah dan kedudukan bilangan kaum iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain dan di antara kaum manakah yang paling ramai sekali.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Sejak Januari, 1985 hingga 30 November, 1985 seramai 9,655 orang penagih dadah telah ditangkap dan dari jumlah ini seramai 5,136 orang telah dijatuhkan hukuman penjara dan denda, manakala seramai 4,519 orang masih menunggu perbicaraan dan hukuman.

Negeri yang terdapat banyak sekali penagih dadah ialah negeri Pulau Pinang di mana seramai 2,033 orang penagih dadah telah ditangkap.

Kedudukan bagi negeri-negeri mengikut jumlah penagih dadah dan pecahan kaum adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Melayu</i>	<i>Cina</i>	<i>India</i>	<i>Lain Bangsa</i>	<i>Jumlah</i>
Pulau Pinang ..	731	877	353	72	2,033
Selangor..	920	578	182	8	1,688
Wilayah Persekutuan	590	451	200	51	1,292
Johor	636	453	63	7	1,159
Perak	303	557	219	27	1,106
Kedah/Perlis ..	494	264	100	49	907
Pahang ..	304	160	23	3	490
Terengganu	260	20		2	282
Kelantan..	226	22	3	2	252
Melaka ..	93	77	18	21	209
Negeri Sembilan.	89	79	23	5	196
Sabah ..		3	4	23	30
Sarawak ..		13		1	20
JUMLAH	4,652	3,554	1,188	270	9,664

Mengikut perangkaan di atas penagih dadah dari orang Melayu yang paling ramai sekali.

ISU SENSITIF- KETENTERAMAN AWAM

25. **Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** minta Menteri dalam Negeri menyatakan apakah tindakan Kerajaan ke atas mereka yang mencabar dasar Kerajaan tentang Bahasa Kebangsaan dan hak-hak istimewa orang-orang Melayu.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Jawapan kepada soalan yang hampir sama telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri di Dewan ini semasa menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Shahrom Haji Maasum pada 3hb Disember, 1985 yang lalu. Oleh itu saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan lagi.

PENYELUDUPAN BERAS- TANGKAPAN

26. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) dari Januari, 1984 hingga 30hb Oktober, 1985 berapa ramai bilangan rakyat negara asing dan rakyat negara ini ditangkap kerana kesalahan menyeludup Beras ke negara ini;
- (b) jumlah pikul beras yang diseludup ke negara ini, berapa pikul Beras Pulut dan Beras biasa;
- (c) nyatakan hukuman yang dikenakan terhadap orang yang terlibat bersabit dengan kesalahan menyeludup Beras ke negara ini;
- (d) berapa peratus beras keluaran negara boleh menampung keperluan negara kita dan juga tidak cukup berapa peratus pula

negara ini terpaksa mengimport dari luar serta sebutkan negara berkenaan, berapa ratus ribu ringgit tukaran wang negara kita kerana belanja beli import beras dari luar; dan,

- (e) apakah langkah-langkah Kerajaan akan/sedang ambil supaya sedikit penyeludupan beras ke negara ini dapat berkesan disekat.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Penyeludupan beras adalah satu kesalahan di bawah Akta Kastam 1967. Tindakan-tindakan untuk mencegah kegiatan ini dilakukan oleh Jabatan Kastam dan Unit Pencegah Penyeludupan (UPP). Bagi menjawab soalan Yang Berhormat, saya hanya dapat memaklumkan perkara-perkara yang berkaitan dengan LPN. Mengenai soalan-soalan (a), (b) dan (c), sepanjang yang mengenai LPN, tindakan-tindakan yang diambil oleh Lembaga itu ialah mendakwa peniaga-peniaga beras yang terlibat dengan beras seludup dengan diasaskan kepada kesalahan di bawah Akta LPN, 1981 seperti:

- (i) Kesalahan menjual beras tanpa lesen,
- (ii) Kesalahan memindah beras tanpa kebenaran LPN,
- (iii) Kesalahan memperolehi beras dari punca yang tidak sah,
- (iv) Kesalahan kerana gagal menyenggara akaun harian.

Dalam hubungan ini LPN telah mengambil tindakan ke atas petuduhan-petuduhan (charges) yang dinyatakan di atas seperti berikut:

- (a) LPN telah mengambil tindakan mahkamah ke atas seramai 138 orang peniaga dalam tahun 1984 dan 178 orang dalam tahun 1985 (hingga 31-10-85). Tidak ada rakyat asing yang didakwa di mahkamah.

- (b) LPN telah merampas sebanyak 300,024 kg. beras dan 65,556 kg. pulut dalam tahun 1984. Manakala dalam tahun 1985 (hingga 31-10-85) pula LPN telah merampas sebanyak 736,216 kg. beras dan 126,608 kg. pulut.
- (c) Jumlah denda yang dikenakan ke atas peniaga-peniaga yang didapati bersalah ialah sebanyak \$103, 150 dalam tahun 1984 dan \$46,210 dalam tahun 1985 (hingga 31-10-85).

Mengenai soalan (d), pengeluaran beras tahunan negara adalah dianggarkan di dalam lingkungan 1.1 juta tan metrik sehingga 1.4 juta tan metrik. Hasil keluaran beras tempatan hanya dapat menampung 80% hingga 85% daripada keperluan beras tahunan negara. Dengan ini sebanyak di antara 300,000 tan metrik hingga 550,000 tan metrik beras perlu diimport setiap tahun bagi menampung keperluan pengguna-pengguna di dalam negara. Sepanjang tahun 1984, Malaysia telah mengimport sebanyak 515,116 tan metrik beras dari negara Thailand, Pakistan, Burma dan Australia yang melibatkan pertukaran wang asing sebanyak \$325,104,860. Dalam tahun 1985 pula, Malaysia telah mengimport sebanyak 325,114 tan metrik beras dari negara-negara berkenaan yang melibatkan pertukaran wang asing sebanyak \$117,404,375.

Mengenai soalan (e) pula, usaha-usaha telah diambil bagi memperketatkan lagi aktiviti-aktiviti mencegah penyeludupan. Antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh LPN ialah:

- (i) Merapatkan lagi kerjasama dengan pihak Kastam dan Polis untuk membentasi penyeludupan.
- (ii) Menambah keanggotaan dan menubuh Unit Perisek di peringkat cawangan terutama

sekali di negeri-negeri yang bersempadanan dengan negeri Thai seperti Kelantan, Perlis, Kedah dan Perak.

- (iii) Membuat beberapa pindaan dalam Akta LPN dan salah satunya ialah memberi kuasa kepada mahkamah merampas kenderaan-kenderaan yang terlibat dengan penyeludupan. Sebelum ini mahkamah hanya berkuasa merampas padi/beras sahaja.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah

bahawa usul atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu:

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui. Diputuskan,

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (19hb disember, 1985).

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Tuan Haji Hussein menyambung ucapan beliau.

4.10 ptg.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih mengizinkan saya menyambung ucapan saya di dalam membahaskan sokongan saya di dalam Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1985.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Dewan kita pada hari ini Dewan penuh mesra di atas sikap kekeluargaan, dengan izin, enjoy kita semua, Tuan Yang di-Pertua, sehingga gelak ketawa dan ada Yang Berhormat Menteri menyebut perkataan insya Allah, ada pula Yang Berhormat Dato Senator sebut perkaaan alhamdulillah. Saya rasa amat sukacita sesungguhnya matlamat Kerajaan untuk memesrakan masyarakat telah tercapai pada tahap yang dikehendaki.

Di samping saya bersyukur ke hadrat Allah subhanahu wa-ta'ala serta memohon, Wahai Tuhan kami, berikanlah taufiq dan hidayah kepada kedua-dua sahabat saya iaitu Yang Berhormat Menteri dan Dato Senator, mudah-mudahan mereka bukan sahaja memahami dan mengerti membaca perkataan alhamdulillah dan insya Allah, tetapi sebaliknya akan dapat membaca serta mengerti segala apa yang tersirat di sebalik kata-kata itu, mudah-mudahan, isnya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada sokongan saya di dalam Akta ini, sebagaimana semalam saya telah utarakan, Akta ini ialah untuk memberi hak kuasa kepada Bank Negara dan kepada Yang Berhormat Menteri bagi meletakkan keyakinan terutama kepada orang ramai khususnya di dalam negara atau di luar negara kepada bank-bank di negara kita termasuk institusi kewangan di negara kita supaya mereka tidak ragu-ragu.

Walaupun di dalam keadaan dunia sekarang ini menghadapi kemelesetan

ekonomi tetapi di negara kita ini, kalau mereka hendak menyimpan wang, akan diberi jaminan yang agak lebih kuat, apatah lagi dengan terpindanya Akta yang telah dikemukakan, di dalam Fasa 31A ini nanti.

Cuma apa yang saya hendak bangkitkan lagi ialah soalnya apakala kuasa ini diberi, apakah kuasa ini akan dilakukan seperti kuasa-kuasa lain yang pernah diberikan? Umpamanya saya bagi contoh, Dewan ini dan Dewan Rakyat pernah memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri untuk menggunakan kuasa-kuasa tertentu bagi menjamin kesejahteraan negara ini agar tidak dipengaruhi oleh golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab yang boleh membawa angkara-angkara sehingga menjadikan sesuatu keadaan negara ini yang tidak diingini sebagai penghasut, pemfitnah dan penjenayah. Tetapi walaupun Akta ini telah diberi sekian lama, Kerajaan kita terlampau baik, apa lagi Menteri-menteri kita juga baik, sayangkan rakyat seperti sayangkan anak sendiri. Walaupun ada kuasa, ibarat kalau bapak sudah ada rotan di tangan tetapi anak tak hendak dirotankan. Sebab itu walaupun kuasa telah diberikan oleh kedua-dua Dewan ini, kuasa itu jarang dipergunakan, sehingga menyebabkan ada golongan-golongan tertentu mengambil kesempatan.

Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, Peristiwa Memali. Saya mohon izin, walaupun ini tidak kena mengena dengan Akta ini, tetapi saya hendak bagi contoh berkaitan dengan Akta yang hendak memberi kuasa, umpamanya. Peristiwa Memali ternyata peristiwa berdarah yang telah membunuh, yang dibunuh ialah Pasukan Keselamatan, anak watan negara ini yang sanggup berkorban untuk berkhidmat bagi menjamin keamanan di negara ini dibunuh oleh penjenayah-penjenayah yang tidak

bertanggungjawab, tetapi ada anasir-anasir yang tertentu mengatakan pembunuhan ini kerana kekejaman, pembunuhan ini kerana perjuangan, sehingga ada yang mengeluarkan fatwa mengatakan mereka mati syahid.

Walaupun kuasa juga pernah diberikan kepada Jabatan-jabatan tertentu umpamanya kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, bukan semua orang boleh beri fatwa, dilarang orang beri fatwa, tetapi orang beri juga fatwa, kuasa yang diberi tak akan dipakai, sehingga Perisytwa Memali ini apakala Kerajaan mengisytiharkan rakaman video yang diambil di Memali itu akan ditayangkan melalui kaca TV, ada lagi orang membangkitkan, kalau hendak tayang video, tayanglah video 5 jam, jangan yang 45 minit. Dengan angkuh dan sombong, macam dia jadi cameraman sendiri, walaupun mungkin barangkali dia sedikit sebanyak terlibat sebagai pengarahnya, tetapi keterlaluan, Tuan Yang di-Pertua. Minta video yang ada 5 jam. Apa lagi rakyat di negara ini sudah menyaksikan drama peristiwa seperti ini sejak 25 tahun dahulu, lebih-lebih lagi di saat-saat 3 tahun kebelakangan ini, sejak tahun 1982 lagi, drama-drama ini sedang beraksi dengan pengarah-pengarah yang tertentu. Walhal pengarah-pengarah ini sudah boleh diambil tindakan oleh Akta-akta yang pernah diluluskan oleh Dewan ini. kepada pihak-pihak tertetu, tetapi malangnya Menteri kita terlampau baik, terlampau tenang orangnya?

Tuan Yang di-Pertua, nasib baik saya tak menjadi Menteri Dalam Negeri, kalau tidak pasti saya giempgunakan Akta ini, tetapi untuk menjamin keamanan di negara ini. Demikian juga Akta-akta yang pernah diberikan kepada badan-badan lain, termasuklah misalnya Jabatan

Hal Ehwal Agama Islam. Misalnya, bukan hendak sentuh hal Akta itu, misalnya hendak beri contoh dengan Akta ini.

Kita dengar ada kalanya Jabatan Agama heboh kerana bertindak kepada setengah-setengah golongan yang membuat pengajaran salah dan kita tak kesal meminda Akta memberi kuasa kepada mereka kerana mereka sungguh-sungguh bertindak tetapi bagaimana dengan pengajaran salah yang lebih luas, yang 300 orang, 100 orang, yang 15 orang terlibat dengan pengajaran salah, begitu lumrah kita mengambil tindakan. Bagaimana yang beratus ribu, berpuluh ribu, yang terlibat dengan pengajaran salah sehingga melibatkan soal akidah. Umpamanya bagaimana orang-orang yang mengajar, kalau melakukan pangkah pahalanya sama dengan menunaikan haji, tiga kali pangkah masuk syurga. Ada orang-orang Islam yang sudah rosak akidahnya kerana ini dan perkara ini bukan sembunyi-sembunyi tetapi sudah menjadi rahsia umum. Bahkan pernah difatwakan di dalam perhimpunan-perhimpunan besar tetapi Akta pindaan yang pernah diluluskan oleh dewan ini tidak dipergunakan, sebab itu keadaan ini terus menerus berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Akta ini yang saya bangkitkan, kita percaya demi untuk mencapai matlamat perjuangan bangsa Malaysia terutama di bidang ekonomi. Apakala Akta ini terpinda nanti dan setelah diterima oleh Dewan ini, insya Allah akan dapat dilaksanakan oleh Yang Berhormat Menteri terutamanya supaya benar-benar Akta ini akan memberi manfaat. Saya percaya akan hilanglah segala keraguan terutama daripada orang-orang di luar negara barangkali dengan terpinda ini akan berduyun-duyunlah orang dari luar negara akan datang menyimpan wang di bank-bank di negara kita ataupun di institusi-institusi kewangan di negara

kita ini, kerana Akta ini seolah-olahnya, walaupun tidak dengan secara langsung tetapi tidak langsung pun seolah-olah telah memberi jaminan bahawa Kerajaan kita akan diberi kuasa untuk menjamin perniagaan kewangan di negara kita ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini akan melantik anggota penal. Banyak jenis lantikan yang telah dibuat, berbagai-bagai badan, berbagai penal. Tetapi saya percaya anggota penal yang akan dilantik ini nanti ialah anggota penal yang benar-benar akan duduk bagi mencapai matlamat Akta ini.

Saya percaya dengan kemampuan dan kejujuran Kerajaan kita yang ada pada hari ini, di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, dan dengan Menteri-menteri yang ada terutama Menteri Kewangan yang ada ini, akan membuat lantikan kepada orang-orang yang benar-benar tidak orang macam saya ini, jangan lantik saya, saya tidak boleh, tetapi orang yang benar-benar, saya bimbang kalau dilantik saya ini, takut ada Ahli-ahli Yang Berhormat ini nanti mempergunakan saya, tolong gunakan Akta ini minta Yang Berhormat Menteri supaya diambil alih bank ini supaya saya akan menguasai bank ini. Kalau ada kawan-kawan yang begitu, rosaklah. Sebab itu saya katakan saya tidak boleh. Jangan orang yang seperti saya. Sebab itu saya percaya Yang Berhormat Menteri akan melantik orang yang benar-benar agar Akta ini benar-benar akan terlaksana sebagaimana hasrat yang dikehendaki oleh pihak Kerajaan sehingga membuat pindaan kepada Akta ini.

Sebenarnya walau bagaimanapun Akta ini, saya rasa simpati kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan termasuk Timbalannya. Dengan secara tidak langsung Akta ini seolah-olah memberi beban kepada beliau.

Inilah yang dikatakan, tidak ada beban, batu digalas. Kalau tidak ada Akta ini, dia pun tidak berapa sakit kepala. Dengan adanya Akta ini nanti, maka akan lebih menyakitkan kepala Yang Berhormat Menteri kita atau Yang Berhormat Timbalan Menteri kita. Tambah lagi sudahlah sekarang dia tiada daya bekerja. Kalau kita tengok kepala Yang Berhormat Timbalan Menteri kita ini pun nampaknya sudah terang daripada dahulu lagi kerana beban sekarang ini, tambah lagi dengan Akta ini, bertambah cerahlah keadaan masa depan.

Walau bagaimanapun, saya berbangga kerana kerelaan Yang Berhormat Menteri sanggup menerima beban ini. Ini juga adalah semata-mata demi kepentingan negara ini terutama kepentingan institusi kewangan dan bank yang menjamin kedudukan dan keteguhan ekonomi di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya katakan, Majlis kita hari ini agak bermesra di antara anggota-anggota Dewan terutama dengan pihak Kerajaan. Saya hendak bermanja sedikit, saya sudah ramal apa yang akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Kalau ibarat lagu, kalau saya tidak boleh hendak nyanyikan lagi kerana lagu belum keluar, tetapi saya sudah boleh bersiul apa yang hendak dijawab. Tambahan lagi Yang Berhormat Menteri kita ini kalau ibarat pendekar, Mat Kilaulah orangnya.

Cuma saya pohon satu jaminan daripada pihak Kerajaan, jaminan bahawa Akta yang akan diluluskan ini benar-benar dilaksanakan bagi matlamat yang dimaksudkan oleh akta ini sendiri, bagi kepentingan rakyat dan akta ini benar-benar akan digunakan apakala dipentingkan bagi kepentingan negara dan rakyat, tidak semata-mata Akta ini diibaratkan

menempa senjata untuk disimpan atau sebagai hiasan. Inilah satu jaminan yang saya kehendaki daripada Yang Berhormat Menteri di dalam Dewan ini. Mudah-mudahan dengan jaminan ini, walaupun mungkin adanya Akta ini akan memberi peluang kepada tuduhan-tuduhan bagi orang-orang yang tidak bertanggungjawab di luar nanti, berbagai-bagai. Ini orang akan tuduh, macam-macam orang akan kata. Ah! dengan pindaan Akta ini, sedaplah Menteri. Rasa hendak ambil aleh bank itu, ambil. Rasa hendak ambil aleh bank ini, ambil. Bank yang baik pun kata tidak baik, dia ambil aleh. Ini tuduhan akan dilemparkan terutama oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Kita sudah tahu, kita tidak usah peduli, orang hendak tuduh, tudahlah, memang itulah kerja dia. Tetapi jaminan di dalam Dewan ini hendaklah diamalkan mudah-mudahan Akta ini akan memberi sebesar-besar hikmat kepada rakyat di negara ini terutama di bidang ekonomi.

Saya rasa sekali lagi, walau bagaimanapun saya menyokong penuh Akta ini yang mana Akta yang akan membawa banyak manfaat kepada kita semua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan M. G. Pandithan.

4.27ptg.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama bangun dengan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini untuk membahaskan dan juga memberi pandangan dan sokongan kepada Rang Undang-undang untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958.

Saya bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat menerima alasan-alasan yang diberikan oleh Kerajaan untuk membuat pindaan kepada Ordinan Bank Negara Malaysia 1958. Bank Negara sebagai

satu institusi kewangan yang utama mempunyai tanggungjawab yang besar kepada rakyat dan negara. Ia memainkan peranan yang penting dan oleh itu patut berfungsi dengan lebih giat. Undang-undang yang ada sekarang agak longgar dan patut digubal semula ataupun dikemaskinikan supaya ia dapat memberi perkhidmatan yang baik di samping melahirkan rasa yakin dalam diri rakyat.

Jika undang-undang tidak ketat, perkhidmatan bank kepada rakyat akan terjejas. Ini akan menjadikan rakyat hilang keyakinan dan seterusnya bank itu juga akan turut merosot. Keadaan begini sudah tentu akan membawa kesan buruk terhadap ekonomi dan negara. Sudah sampai masanya Bank Negara mengemaskinikan undang-undang supaya tidak terjadi lagi skandal Bank Rakyat, skandal BMF dan sebagainya. Kedua-duanya skandal ini adalah lebih daripada mencukupi.

Satu lagi kejadian sebegini sudah tentu akan menjadikan rakyat kurang percaya dan yakin terhadap Bank Negara. Ramai orang sudah mula tertanya-tanya bagaimana Bank Negara boleh terlibat dalam skandal BMF yang melibatkan lebih daripada \$2 billion.

Bank Negara juga bertanggungjawab dalam menelitikan kekeliruan dan persoalan yang timbul dalam hati rakyat. Ini sepatutnya memberi pemerhatian yang rapi mengenai semua kegiatan dari mula lagi. Walau bagaimanapun, peristiwa pahit itu harus menjadi pengajaran kepada kita semua supaya kejadian seperti itu tidak akan berulang.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa kesemua mereka yang melakukan kesalahan berhubung dengan skandal itu harus dikenakan hukuman yang sewajarnya. Ini adalah supaya orang ramai akan mengetahui

kezaliman dan niat busuk anasir-anasir anti sosial yang selama ini menyamar diri sebagai orang-orang yang penting dan terkenal di dalam masyarakat.

Saya juga menyokong seruan Pemuda UMNO yang inginkan laporan siasatan skandal BMF itu dijadikan pengetahuan umum. Saya berpendapat bahawa Kerajaan harus mengadakan pemeriksaan rapi terhadap semua bank, syarikat kewangan dan bank perdagangan. Banyak juga aktiviti-aktiviti yang tidak diingini berlaku di bank-bank perdagangan. Perkhidmatan di kebanyakan bank kurang memuaskan, khususnya kepada golongan yang berpendapatan rendah. Peniaga kecil, nelayan, pesawah dan penoreh getah tidak diberi peluang menikmati kemudahan seperti ini dinikmati sepenuhnya oleh golongan yang mewah dan berada. Dalam pada itu, terdapat pula kejadian rasuah dan penyalahgunaan kuasa, misalnya apabila seorang nelayan memohon pinjaman, ia terpaksa mengetahui beberapa syarat, akibatnya ia berputus asa dan melupakan sahaja pinjaman itu, sebaliknya mereka yang berada mendapatkan pinjaman dengan mudahnya. Bank Negara haruslah menimbangkan kes-kes begini. Apabila seorang biasa memohon pinjaman untuk membeli rumah, besar kemungkinan permohonannya itu akan ditolak. Jadi, ke mana lagikah ia akan beralih untuk memohon pinjaman. Bank Negara harus menggalakkan bank-bank lain supaya menyediakan pinjaman perumahan dan pinjaman perniagaan kecil bagi orang-orang biasa.

Kerajaan juga haruslah cuba mengkaji semula EPF supaya pekerja-pekerja dibuka peluang untuk mendapatkan pinjaman perumahan di mana potongan dapat dibuat pada pendapatan mereka. Selain daripada itu, adalah baik sekiranya mereka juga diberi peluang mengeluarkan

sebahagian daripada wang mereka untuk membeli saham di syarikat awam dan swasta. Selama dan setakat ini pekerja biasa tidak diberi peluang untuk membeli apa-apa saham.

Sebelum saya akhiri kata-kata saya, saya ingin menyatakan ini di dalam Dewan ini. Kaumbumiputera sudah memiliki beberapa bank, begitu juga dengan kaum Cina, saya rasa kaum India juga harus memiliki sebuah bank. Kaum India sudah lama menginginkan sebuah bank. Saya berpendapat sekaranglah masanya bagi Kerajaan menimbangkan aspirasi kaum India yang ingin memiliki sebuah bank.

Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan), 1985.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

4.35ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan sokongan mereka terhadap pindaan Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 ini.

Walaupun pindaan yang dicadangkan ke atas Ordinan Bank Negara Malaysia ini kecil dan adalah hanya bagi menyelaraskan pindaan-pindaan yang dibuat dalam Akta Bank 1973 dan Akta Syarikat Kewangan 1969 yang baru sahaja diluluskan, tetapi seramai 10 orang Ahli Yang Berhormat Senator telah bangun untuk berucap berhubung dengan perkara ini. Masa yang diambil ialah 3 jam 33 minit. Saya memang kagum dengan stamina Ahli-ahli Yang

Berhormat dan saya berharap sangat-sangat keadaan ini akan dikekalkan memandangkan bahawa hari ini adalah hari terakhir Dewan ini bersidang pada sesi ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa, Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai peranan dan tanggungjawab Bank Negara dalam mewujudkan sistem kewangan yang stabil dan kukuh. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Bank Negara adalah bertanggungjawab kepada Kerajaan untuk menggalakkan kestabilan kewangan serta struktur kewangan yang baik. Bank Negara akan sentiasa mengawasi kedudukan institusi-institusi kewangan bagi memastikan urusan bank dan syarikat kewangan dijalankan dengan penuh berhati-hati, dengan izin, "prudence" dan mengikut peruntukan undang-undang dan garis panduan pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh teguran Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai pengeluaran lesen bank, saya suka memaklumkan bahawa pengeluaran lesen bank perdagangan telah dibekukan sejak tahun 1979 memandangkan bahawa bilangan bank sebanyak 38 buah di dalam negara kita ini adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan-keperluan rakyat. di samping itu, adalah merupakan dasar Kerajaan bagi menggalakkan bank-bank yang kecil untuk bergabung supaya mereka dapat mempunyai modal yang lebih besar dan boleh memberikan perkhidmatan bank dengan lebih baik dan berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Dewan yang mulia ini telah mengemukakan dua perkara penting mengenai Rang Undang-undang ini, iaitu pertamanya tindakan Kerajaan selepas bank yang diambil kuasa telah pulih dan kedua, kuasa Menteri Kewangan dalam menjualkan saham-saham kepada pihak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan bahawa apabila sesebuah bank yang diambil oleh Bank Negara pulih semula, maka Bank Negara tidak akan menyambung penguasaannya, tetapi akan menjualkan saham-saham bank berkenaan kepada pihak-pihak yang difikirkan sesuai dan yang dapat mengendalikan bank berkenaan dengan baik. Satu Panel Penasihat akan ditubuhkan bagi menasihatkan Menteri Kewangan dan kita beri jaminan bahawa Panel Penasihat ini akan terdiri dari mereka yang mempunyai pengetahuan di dalam bidang ini dan mereka yang mempunyai kepercayaan oleh pihak berkuasa dan kita percaya mereka ini tidak akan menggunakan kuasa mereka sewenang-wenangnya ataupun kuasa yang mementingkan diri mereka sendiri. Dan selepas itu Bank Negara akan menjualkan saham-saham tadi sama ada saham-saham bank ataupun syarikat kewangan kepada pihak yang dapat menjalankan pengurusan bank itu dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga Ahli Yang Berhormat yang khuatir bahawa Bank-Negara mungkin campur tangan dalam sesuatu keadaan di mana berlaku desas-desus bahawa sesebuah bank itu tidak berupaya menjalankan tanggungannya ataupun sesebuah bank itu akan menggantung pembayaran-pembayaran kepada yang berkenaan.

Saya suka saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kuasa Bank Negara yang dimaksudkan dalam seksyen 31A (seksyen baru ini) Ordinan Bank Negara Pindaan ini bagi mengambilalih kuasa mana-mana bank adalah merupakan satu kuasa mutlak dan kuasa ini hanya digunakan apabila Bank Negara mempunyai maklumat yang cukup terang. Maklumat yang benar-benar terang dan tidak hanya setakat desas-desus sahaja. Bank Negara tidak bermaksud

campur tangan lebih daripada yang difikirkan perlu.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga saranan yang telah dibuat supaya Kerajaan mengadakan undang-undang supaya bank dan, syarikat kewangan menubuhkan satu institusi berbentuk koperasi bagi memberi bantuan kepada institusi-institusi kewangan yang akan dikemukakan kepada sektor bank untuk perhatian sektor tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini bahawa pada masa ini persatuan bank-bank dan syarikat kewangan sudahpun bersedia memberi bantuan kepada mana-mana institusi kewangan yang memerlukan sebarang service, dengan izin, ataupun perkhidmatan berhubung dengan perkara ini.

Mengenai bahasa Ordinan Bank Negara, di mana seorang Ahli Yang Berhormat telah menyatakan rasa kurang senangnya bahawa Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 ini masih lagi tidak terdapat di dalam Bahasa Kebangsaan. Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan bahawa Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 ini adalah satu undang-undang yang dibuat sebelum tahun 1967 di mana Rang Undang-undang yang dibuat sebelum tahun tersebut adalah digubal di dalam bahasa Inggeris. Hanya selepas Akta Bahasa Malaysia, 1967 semua undang-undang digubal dalam Bahasa Malaysia yang juga akan menjadi naskhah sahinya.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Peguam Negara sedang giat menyediakan terjemahan-terjemahan kepada undang-undang yang telah dibuat dan diwartakan sebelum tahun 1967. Satu daripada Rang Undang-undang tersebut ialah Ordinan Bank Negara, 1958 yang kini masih lagi sedang diperterjemahkan dan kita percaya ianya mungkin dapat diselesaikan tidak berapa lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan sokongan mereka terhadap Rang Undang-undang ini. Saya memberi jaminan bahawa Rang Undang-undang ini akan digunakan seadil-adilnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang diper-timbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pergerusikan Jawatankuasa*)

Fasa 1 dan 2.

Tuan D. P. Vijandran: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat keterangan sedikit ke atas Rang Undang-undang ini, Saya merujuk kepada Fasa 2 yang mengemukakan satu seksyen baru 31A dan saya ingin tahu apakah kriteria-kriteria yang diambil kira untuk membuat keputusan sama ada bank yang tertentu itu ada dalam keadaan seperti mana disifatkan dalam seksyen 31A, seksyen kecil 1(i) dan 1(ii) dan siapakah akan dikuasai untuk membuat keputusan itu.

Dato Sabbaruddin Chik: Saya hendak ambil Rang Undang-undang sebentar, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, sama ada Bank Negara memikirkan kuasa ini adalah kuasa seperti yang dikatakan di dalam undang-undang ini iaitu ini terserah kepada kebijaksanaan ataupun pandangan Menteri Kewangan setelah diberi nasihat oleh pihak Bank Negara.

Tuan D. P. Vijandran: Tuan Pengerusi, jawapan itu dengan segala hormatnya untuk separuh soalan saya sahaja. Saya ulangi, apakah kriteria-kriteria yang akan diambil kira untuk membuat keputusan sama ada bank yang tertentu itu ada dalam keadaan sepertimana yang disifatkan dalam seksyen 31A, seksyen-kecil 1(i) dan 1(ii).

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Pengerusi, seperti yang saya katakan tadi ini setelah dinasihatkan oleh Bank Negara. Ertinya dalam bahasa Inggerisnya saya bacakan di sini, dengan izin:

(i) likely to become unable to meet its obligations; or

(ii) about to suspend payment."

Ini telah saya menyatakan sewaktu saya membentangkan Rang Undang-undang ini yakni apabila kita dapati bahawa bank itu tidak berupaya membayar ataupun memenuhi segala obligasi-obligasi dia kepada penyimpan-penyimpan ataupun penabung-penabung di dalam institusi-institusi kewangan berkenaan.

Jadi, apabila keadaan itu berlaku dan Bank Negara mendapati perkara ini akan berlarutan, maka ianya akan menasihatkan kepada Menteri Kewangan supaya tindakan ini diambilkan sekiranya pihak penasihat yang mana kita akan tubuhkan nanti memikirkan bahawa ianya wajar diambil alih maka waktu itulah Bank Negara akan mengambil alih bank ini. Itu merupakan ciri-ciri ataupun kriteria-kriteria yang akan kita

pergunakan sewaktu kita mengambil alih sesuatu bank itu. Ertinya, Tuan Pengerusi, kita tidak hanya mengambil alih kalau sekiranya terdapat dengan izin, "rumours" menyatakan sesebuah bank itu tidak boleh membayar seperti berlaku misalnya kepada satu syarikat kewangan baru-baru ini di mana mereka itu beratur untuk mengeluarkan wang mereka. Barangkali ini telah dibuat oleh sebab timbulnya satu-satu desas-desus sahaja dan mungkin berupaya bank itu menyelesaikan segala obligasinya.

Tetapi kita hanya akan mengambil alih ini jikalau sekiranya bank itu benar-benar tidak berupaya memenuhi obligasi dia sebagai pemegang wang orang ramai. Itu dia kriteria atau ciri-ciri yang mana kita pergunakan, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Pengerusi, di dalam pindaan Fasa 2 dengan kemasukan 31A, terutama sub-seksyen (3) di dalam Seksyen 31A Ordinan ini, tidakkah boleh melemahkan Seksyen 31 ordinan ini yang mempunyai kuasa larangan. Dan jika ini berlaku mengapakah tidak payah 31 itu dimansuhkan sahaja.

Dato' Sabbaruddin Chik: Kurang terang, Tuan Pengerusi. Apakah yang dimaksudkan sebenarnya oleh Ahli Yang Berhormat, saya tidak begitu pasti tentang kemuskilan yang dikemukakan.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Pengerusi, dengan pindaan dimasukkan Seksyen 31A baru ini tidakkah akan mengurangkan kuasa-kuasa larangan yang telah sedia ada di dalam Seksyen 31. Seksyen asal 31 kemudian ditambah dengan 31A terutama sub-seksyen (3) di dalam Seksyen 31A di dalam Ordinan ini. Kerana 31A ini akan mengatasi kuasa larangan yang terkandung di dalam 31.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Pengerusi, 31A (3) saya bacakan di dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin:

"(3) The Advisory Panel shall consist of such persons appointed by the Minister on the recommendation of the Bank."

Adakah itu yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat, Tuan Pengerusi?

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Ya, Tuan Pengerusi, dengan adanya seksyen ini tidakkah akan mengatasi Seksyen 31 yang telah sedia ada, kerana di dalam Seksyen 31 itu ada kuasa-kuasa larangan.

Tuan Pengerusi: Apa bezanya?

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Pengerusi, saya tidak nampak Seksyen 31A ini melemahkan Seksyen 31. Kerana ini satu seksyen baru di mana dinyatakan dengan terang bahawa dari segi satunya kalau dahulu tidak ada penasihat-penasihat yang dimaksudkan ini kerana pada waktu itu tidak ada kuasa bagi Bank Negara mengambil alih mana-mana institusi kewangan yang tidak berupaya menjelaskan segala obligasinya. Maka sebab itu diletakkan atau dimasukkan Seksyen 31A ini dengan tujuan mengambil alih kalau sekiranya terdapat bank-bank perdagangan ataupun institusi kewangan ini tidak berupaya memenuhi obligasi-obligasi dia ataupun bank itu ataupun syarikat kewangan itu hendak menahan segala pembayaran-pembayaran. Dan atas sebab adanya 31A(i) dan (ii) maka dipastikan pula di sini bahawa untuk mengelakkan daripada Bank Negara itu menggunakan kuasanya sewenang-wenang. Maka itu dipastikan pula suatu Lembaga Penasihat kepada Bank Negara int diwujudkan untuk mengelakkan seseorang itu yang akan kuasa di

dalam Bank Negara menggunakan kuasa ini sewenang-wenangnya. Tetapi kalau setelah ada nasihat ini datangnya daripada satu panel penasihat atau Lembaga Penasihat kita, percaya bahawa Lembaga Penasihat ini seperti saya katakan tadi yang akan terdiri daripada mereka yang mempunyai pengalaman, yang mempunyai pengetahuan dan tidak mempunyai kepentingan peribadi di dalam hal ini.

Kita percaya nasihatnya nanti akan merupakan satu nasihat yang benar-benar jujur, satu nasihat yang boleh dipercayai dan tidak nasihat yang hanya hendak menyusahkan mana-mana pihak, khususnya kepada pihak bank itu sendiri ataupun kepada pihak syarikat kewangan itu sendiri. Maka itulah perlunya Seksyen 31A ini yang terdiri daripada 31A(1) hingga 31A(4).

Tuan D. P. Vijandran: Tuan Pengerusi, saya ingin tanya kalau keadaan yang dimaksudkan di dalam Seksyen 31A, sub-seksyen 1(i) atau 1(ii) berlaku, kalau keadaan itu berlaku, maka Bank Negara boleh mengambil tindakan sebagaimana yang disebutkan di dalam seksyen kecil (a) dan (b) iaitu, dengan izin:

- "(a) grant loans to such bank or licensed finance company; or
- (b) purchase any shares of such bank or licensed finance company for the purpose of controlling the business of such bank or licensed finance company."

Saya merujuk kepada (b) tadi dan ingin tanya apa akan terjadi kalau bank yang terlibat atau individu-individu yang memegang saham tidak mahu menjual sahamnya.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Pengerusi, tidak boleh tidak mahulah, sebab itu kita adakah Undang-undang ini.

Fasa 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diliriuskan.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG DAGANGAN KOMODITI

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.00 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta Dagangan Komoditi 1985, bagi menubuhkan Suruhanjaya Dagangan Komoditi bagi mengadakan peruntukan mengenai penubuhan suatu bursa komoditi; bagi mengawal perdagangan kontrak hadapan komoditi dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara yang berkaitan dan yang bersampingan dengannya, dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini telah pun dibentangkan dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 6 Disember, 1985. Rang Undang-undang Dagangan Komoditi 1985 ini akan menggantikan Akta Dagangan Komoditi 1980, bertujuan memberikan peruntukan kuasa-kuasa tambahan bagi menyelaras, mengawas dan mengawal aktiviti pasaran hadapan komoditi di negara ini secara lebih berkesan dan menyeluruh di samping memberikan jaminan perlindungan yang lebih baik dan sempurna kepada pihak pedagang-pedagang.

Dari sejak ianya ditubuhkan pada tahun 1980 sehingga bulan Mac, 1984, Bursa Komoditi Kuala Lumpur telah mencapai kemajuan yang pesat.

Namun begitu pada awal tahun 1984, ia telah mengalami kemungkinan yang besar dalam pasaran minyak kelapa sawit mentah.

Peristiwa itu telah mendedahkan beberapa kelemahan asas dalam amalan dan pengawalan aktiviti urusniaga di Bursa tersebut. Antara kelemahan tersebut ialah tidak ada penentuan bidang tugas yang jelas dan sistem penyelarasan yang berkesan antara Bursa dan Pusat Penjelasan, Majlis Dagangan Komoditi tiada diperuntukkan kuasa bertindak segera bagi mengatasi krisis, sistem jaminan kontrak tidak kemas dan sandaran kewangan ahti bursa dan pusat penjelasan tidak mencukupi. Di samping itu terdapat segolongan kecil pedagang di pasaran yang bersikap kurang berdisiplin dan dengan itu menyebabkan tergugatnya keutuhan pasaran.

Beberapa siri perundingan dan perbincangan telah dijalankan dengan pihak industri untuk meneliti dan menganalisa segala aspek yang berkaitan dengan perkara ini. Sebuah syarikat pakar perunding komoditi antarabangsa yang terkemuka telah dilantik untuk membantu dan juga membawa idea-idea dan contoh-contoh baru dan lebih kemaskini sepertimana yang diamalkan di pasaran hadapan yang lebih maju di dunia.

Segala pandangan, buah fikiran dan rumusan semua pihak yang terlibat telah diambilkira dalam mewujudkan bentuk pasaran hadapan komoditi yang baru ini. Ini termasuklah aspek perundangan, sistem dan struktur pasaran, kaedah dan peraturan, serta juga keperluan dan penyertaan pengguna-pengguna pasaran, di samping mengambilkira kepentingan negara sebagai pengeluar terbesar beberapa komoditi di dunia. Hasil daripada kerjasama yang erat oleh semua pihak itu, Bursa Komoditi Kuala Lumpur di bawah sistem dan

Peraturan baru ini telah pun dapat dilancarkan semula pada 29 Oktober, 1985 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Operasi Bursa akan terus diasaskan kepada konsep kawalselia sendiri, bertujuan mengekalkan tanggungjawab mengawal dan memelihara pasaran terletak kepada ahli-ahli Bursa. Konsep ini merupakan satu asas penting menentukan ahli-ahli sentiasa waspada dan bertindak dengan penuh disiplin dan tanggungjawab bagi memelihara dan memajukan pasaran. Setiap peringkat dalam susunan dagangan akan memastikan bidang tanggungan mereka dipenuhi.

Bagi melicinkan urusniaga dan mengukuhkan keyakinan di kalangan pengguna-pengguna pasaran, semua kontrak yang diurusniagakan di Bursa akan dijamin secara automatik oleh Pusat Penjelasan. Untuk melaksanakan konsep ini, peraturan-peraturan Pusat Penjelasan telah dipinda di mana semua kontrak yang diniagakan dalam Bursa akan dijamin secara automatik setelah diterima oleh Pusat Penjelasan.

Bagi perlindungan yang lebih baik kepada pasaran, keperluan modal berbayar ahli-ahli penjelasan telah dinaikkan daripada \$250,000 pada masa lalu kepada \$1 juta di samping mengekalkan setiap masa, harta nyata bersih sebanyak \$2 juta.

Untuk memelihara kepentingan bersama antara Bursa dan Pusat Penjelasan, Bursa akan memiliki ekuiti dalam Pusat Penjelasan. Struktur ekuiti bagi Pusat Penjelasan yang baru iaitu 40% oleh Bursa, 30% oleh ahli-ahli Pusat Penjelasan dan 30% oleh satu konsortium yang terdiri daripada 16 buah bank-bank utama tempatan.

Pusat Penjelasan yang baru kini dikenali sebagai Malaysian Futures Clearing Corporation (MFCC) dan

modal berbayarnya telah ditambah daripada \$2.5 juta kepada \$25 juta bagi meneguhkan kedudukan kewangannya, supaya dapat ianya memberi jaminan kewangan yang lebih baik ke atas kontrak-kontrak dagangan yang diurusniagakan.

Perkhidmatan pengurusan Pusat Penjelasan adalah didapatkan daripada International Commodities Clearing House, London. Seorang pegawai dagang yang dipinjamkan oleh ICCH telah pun dilantik menjadi Ketua Eksekutif MFCC. Di samping itu pakar perunding antarabangsa yang dilantik akan terus memberikan khidmat nasihat berkaitan pengurusan Bursa dan juga MFCC sehingga pasaran pulih dengan baik.

Kaedah dan Peraturan Bursa dan MFCC telah diselaraskan bagi menentukan kedua-dua badan berkenaan memikul tanggungjawab bersama memelihara keutuhan pasaran. Satu Jawatankuasa Pusat Penjelasan terdiri daripada ahli-ahli dan Ketua Eksekutif Bursa dan juga MFCC telah diwujudkan bagi menyelaraskan aktiviti kedua-dua badan ini serta mengesan aktiviti urusniaga di pasaran dan mengambil tindakan segera sekiranya berlaku keadaan darurat di pasaran.

Satu ciri penting dalam Rang Undang-undang yang baru ini ialah pertukaran status Majlis Dagangan Komoditi daripada sebuah Jabatan di bawah Kementerian Perusahaan Utama kepada sebuah Badan Berkanun dan akan dikenali sebagai Suruhanjaya Dagangan Komoditi. Ini akan memberikannya keupayaan yang lebih luas dari segi pentadbirannya dan juga dari segi menjalankan tindakan-tindakan bersabit dengan tugas dan tanggungjawabnya. Suruhanjaya dan Pesuruhjaya juga akan diperuntukkan dengan kuasa-kuasa tambahan bagi membolehkan mereka melaksanakan aktiviti-aktiviti penyelarasan dan pengawasan secara

lebih cekap dan berkesan untuk memelihara keutuhan pasaran setiap masa.

Dalam mengawasi pasaran, terutama sekali dalam keadaan darurat, Suruhanjaya akan mempunyai kuasa untuk bertindak campur tangan dipasaran sekiranya Bursa tidak menjalankan tindakan sewajarnya. Di samping itu Suruhanjaya juga akan diberikan kuasa mengarahkan Bursa dan juga MFCC melaksanakan kaedah dan peraturannya, menetapkan had pegangan kontrak dan had dagangan, bertujuan mengelakkan kegiatan mahipulasi dan borongan di mana-mana pasaran di Bursa.

Suruhanjaya juga akan diperuntukkan bidang kuasa yang penuh ke atas KLCE dan juga MFCC. Ianya akan berkuasa menguatkuasakan disiplin ke atas kedua-dua badan ini termasuk individu yang berkhidmat dengannya. Suruhanjaya akan diberikan kuasa menyiasat tuduhan salah laku ke atas Bursa, MFCC dan juga individu yang berkhidmat dengannya.

Peruntukan juga diberikan di dalam Rang Undang-undang supaya segala perselisihan yang timbul diselesaikan menerusi proses perundangan. Peraturan ini penting bagi mengelakkan rujukan dibuat terus kepada mahkamah sebelum proses "inhouse" digunakan. Bagi melindungi kepentingan awam, peruntukan juga dibuat supaya dilantik pengarah-pengarah bebas dalam Lembaga Pengurusan Bursa. Di samping itu, peruntukan juga dibuat supaya manipulasi pasaran dianggap sebagai kesalahan serius di mana pesalah boleh dikenakan hukuman denda sehingga \$100,000 dan lima tahun penjara.

Bidang kuasa tambahan ini tidaklah dimaksudkan untuk mengawasi industri ini secara berlebihan. Apa

yang dipentingkan ialah memperkemaskan aktiviti pengurusan dan penyelarasan supaya sistem dagangan dapat berjalan dengan lancar dan teratur serta berkembang maju. Disamping itu tujuannya ialah untuk memelihara pasaran daripada kegiatan yang kurang bertanggungjawab oleh mana-mana pihak yang boleh menjejaskan keutuhan pasaran.

Segala usaha yang rapi dan bersungguh-sungguh telah dijalankan bagi memulih dan memajukan semula pasaran. Semua ini adolah diarahkan kepada mencapai cita-cita menjadikan Bursa sebagai pusat dagangan komoditi yang maju dan berwibawa di rantau ini.

Dalam melaksanakan usaha-usaha ini, pihak industri telah diajak berbincang dan berunding di setiap peringkat dan ketika. Malahan usaha pemulihan ini bolehlah dianggap sebagai contoh kerjasama yang rapat antara pihak industri dan juga pihak awam. Sesi-sesi seminar, dialog dan bengkel masih terus dijalankan bagi memberikan penjelasan dan juga mendapatkan maklum balas dari pihak industri. Penerangan yang luas juga terus dibuat di media massa bagi menerangkan aspek-aspek usaha pemulihan pasaran. Wakil-wakil pihak industri juga telah menyatakan sokongan mereka terhadap usaha-usaha ini serta berjanji untuk menyertai secara aktif dalam pasaran yang dipulihkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak industri di atas sokongan mereka dan ingin menggesa supaya mereka terus menyokong dan menyertai pasaran secara aktif. Sokongan dan kerjasama ini adalah perlu untuk mencapai cita-cita bersama menjadikan Bursa Komoditi Kuala Lumpur sebagai Pusat

Dagangan Komoditi yang terkemuka di rantau ini dan juga di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah "suatu Akta bagi menubuhkan Suruhanjaya Dagangan Komoditi, bagi mengadakan peruntukan mengenai penubuhan suatu bursa komoditi, bagi mengawal perdagangan kontrak hadapan komoditi dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dan yang bersampingan dengannya" dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said.

5.15ptg.

Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun berucap menyokong Rang Undang-undang Dagangan Komoditi 1985. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah di atas kegigihan pihak Kerajaan yang telah berani menghadapi berbagai cabaran dan dugaan untuk terus memulih dan memajukan Pasaran Komoditi Kuala Lumpur. Malaysia adalah sebuah negara membangun yang pertama menubuhkan pasaran komoditinya. Ini saya bersetuju sebagai satu lagi petanda sikap dinamis dan berpandangan jauh pihak Kerajaan dan juga rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menghayati cita-cita ini, saya berpendapat beberapa aspek penting yang perlu ditegaskan. Aspek pertama yang perlu diutarakan di sini ialah sikap positif dan pandangan jauh pihak-pihak yang terlibat. Dalam

usaha seperti ini tidak dinafikan sebagai cabaran dan rintangan dihadapi terutama dalam usaha-usaha pemulihan pasaran setelah dilancarkan semula oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 29hb Oktober, 1985 yang lalu. Ciri-ciri kemajuan telah terbayang dari segi kenaikan harga dan juga jumlah dagangan harian.

Walaupun terlalu awal untuk membuat penilaian yang menyeluruh tetapi petanda baik telah mula kelihatan. Dalam keadaan ini saya ingin merayu kepada pihak pedagang-pedagang supaya bersikap positif dan tampil kemuka untuk menyertai secara aktif di pasaran. Dengan cara ini pasaran akan dapat digerakkan dengan lebih cergas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, aspek kedua ialah penerangan dan penggalakkan yang lebih bersungguh-sungguh. Dalam keadaan yang baru ini mungkin terdapat perkara-perkara yang kurang jelas di kalangan pengguna-pengguna pasaran. Dalam hubungan ini, ciri-ciri menarik dalam suasana susun-cara pasaran perlulah ditekankan. Umpamanya, saya difahamkan sistem baru ini memberi jaminan kontrak yang lebih lengkap dan sempurna iaitu bila mana kontrak diterima dan dipadankan dilantai Bursa, ia akan terus diterima dan didaftarkan oleh Pusat Penjelasan. Ini adalah satu pembaharuan yang positif berbanding dengan peraturan dahulu di mana kontrak didagangkan di lantai Bursa hanya akan diterima dan didaftar pada hari berikutnya oleh Pusat Penjelasan setelah semua keperluan margin dipenuhi.

Di samping itu pula, Pusat Penjelasan yang baru yang kini dikenali sebagai MFCC telah dibentuk dengan lebih kemas di mana struktur ekuitinya dimiliki bersama oleh Bursa. Ahli-ahli Pusat Penjelasan dan bank-bank tempatan ini adalah satu

peraturan yang baik dari segi memikul tanggungjawab dan memelihara kepentingan bersama. Dari segi modal berbayar pula, MFCC kini mempunyai modal berbayar berjumlah \$25 juta berbanding \$2.5 juta sahaja di masa lepas. Ini juga akan menjamin kekukuhan sandaran kewangan MFCC bagi memenuhi tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keadaan dan peraturan pula, kaedah-kaedah dan peraturan baru telah digubal bagi Bursa dan juga bagi MFCC. Dalam pengumbalan ini pakar khidmat yang terkenal di Amerika telah digunakan. Di samping itu satu proses perundingan yang panjang juga telah diambil untuk memastikan sama perdagangan dan masalah telah diambil kira. Ini semua adalah ciri-ciri penting yang patut diketengahkan. Sikap teliti dan tangan terbuka pihak Kerajaan juga jelas digambarkan dalam proses pemulihan ini.

Tuan Yang di-Pertua, aspek ketiga yang perlu diketengahkan ialah penerimaan dan sokongan pihak industri. Dalam hubungan ini, pihak industri pula memahami bahawa pasaran ini adalah diwujudkan untuk mereka. Dengan ada pasaran ini mereka boleh memainkan peranan secara lebih aktif terutama dalam proses penetapan harga dan melindungi nilai komoditi. Di samping itu mereka juga akan dapat kemudahan dari segi maklumat pasaran yang lebih kemas dan terkini setiap masa, ini semua adalah sangat bernilai dalam kemajuan industri mereka. Pihak industri patut menyokong penuh usaha ini kerana merekalah yang akan mendapat manfaat lebih banyak daripadanya, dengan melalui proses perunding dan perbincangan yang panjang itu, janganlah lagi timbul salah faham atau kesangsian tentang cita-cita murni pihak Kerajaan dalam mewujudkan

sektor ini. Sikap ikhlas Kerajaan ini, saya yakin akan terus terbukti dan pihak Kerajaan akan terus bersedia memberikan bantuan dan sokongan kepada Pasaran Komoditi ini.

Tuan Yang di-Pertua, aspek yang keempat ialah meningkatkan tahap pengetahuan dan kepakaran di bidang ini. Bidang ini diakui adalah satu bidang yang baru bagi negara ini. Bidang kepakaran ini boleh dianggap satu bidang yang khusus. Oleh itu, satu program latihan yang teratur dan penerangan yang luas patutlah dijalankan secara berterusan. Langkah ini bukan sahaja akan meningkatkan bilangan mereka yang mahir dan berpengetahuan di bidang ini tetapi juga meningkatkan lagi penyertaan awam di Pasaran komoditi ini.

Tuan Yang di-Pertua, aspek yang kelima ialah sikap tanggungjawab dan pemeliharaan kepentingan ekonomi negara. Dalam konteks ini motif utama ialah untuk memelihara dan memajukan pasaran sesuai dengan cita-cita menjadikannya sebagai Pasaran Komoditi yang ulung dan berwibawaan di rantau ini. Oleh itu, sebarang niat tamak atau rela diperalat untuk merosakkan pasaran patutlah dihapuskan. Di samping itu minat untuk berdagang di Pasaran Komoditi luar negeri seperti di Hong Kong dan di Jepun patutlah dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, beralih pula kepada sistem pengurusan dan pemaju Bursa Komoditi. Sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi teras utama yang diikuti ialah sistem kawal selia sendiri. Ini bererti satu sistem dan peraturan cheek and balance, dengan izin, akan diwujudkan dan tanggungjawab utama pemeliharaan pasaran terletak kepada ahli-ahli Bursa sendiri. Sistem ini adalah baik pada asasnya dan juga merupakan satu penghormatan

kepada ahli-ahli Bursa. Oleh kerana sistem urusan niaga yang terdedah kepada berbagai-bagai situasi dan kemungkinan misalnya kecenderungan untuk melakukan barang dan memanipulasikan pasaran penyertaan palsu atau mengelirukan kemungkiran dan salah laku dan sebagainya. Maka dalam pelaksanaan konsep ini saya rasa peruntukan undang-undang yang khusus perlu diadakan, dan mereka sukacita peruntukan-peruntukan yang sedemikian telah pun diadakan iaitu dalam Fasa 66/78 dalam Rang Undang-undang ini di samping itu pula sikap penuh tanggungjawab dan berdisiplin di kalangan pengguna-pengguna pasaran patutlah ditanamkan supaya situasi di mana terpaksa melakukan kesalahan-kesalahan itu tidak timbul.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh peruntukan mengenai pendaftaran peniaga-peniaga, saya ingin mengesyorkan supaya pihak Suruhanjaya lebih berhati-hati menimbangkan permohonan-permohonan mendapatkan pendaftaran. Langkah ini akan memastikan supaya hanya mereka yang benar-benar layak sahaja terutama dari segi integrasi individu dan syarikat-syarikat yang mohon didaftarkan walaupun syarikat-syarikat didaftarkan telah diperketatkan dan sandaran kewangan yang perlu telah dinaikkan, namun aspek yang penting diberi pertimbangan ialah sejauh mana seseorang itu boleh dipercayai kejujurannya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pula aspek perlindungan kepada pihak awam yang berdagang. Dalam konteks ini peruntukan supaya dilantik pengarah bebas bagi mewakili kepentingan awam dan penubuhan kumpulan wang pampasan adalah sangat-sangat dialu-alukan. Saya yakin peruntukan kini akan menjadi

pendorong kepada pihak awam untuk menyertai lebih aktif dalam pasaran. Peruntukan seumpama ini patut diperluaskan bagi jenis-jenis perniagaan yang banyak melibatkan kepentingan awam seperti perniagaan bank, syarikat-syarikat kredit, syarikat pengangkutan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memajukan Bursa Komoditi ini saya berpendapat aspek pemasaran perlulah diberikan perhatian yang serius. Ini bertujuan bagi meningkatkan penyertaan pedagang-pedagang di dalam pasaran. Dalam hubungan ini ciri-ciri yang menarik mengenai pasaran patutlah diketengahkan. Ini perlu untuk menarik minat pihak pedagang supaya mereka menceburkan diri ke dalam pasaran hadapan. Di samping itu pula, segala penerangan lanjut, penjelasan, perundingan dan perbincangan patutlah diadakan bagi menghilangkan segala keraguan dan kesangsian yang masih terdapat di kalangan mereka. Segala usaha mestilah dijalankan bagi mencari jawapan kepada masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam sektor komoditi ini di negara ini terdapat beberapa organisasi yang besar dan berpengaruh misalnya Sime Darby, Guthrie, FELDA dan sebagainya yang mana mereka ini mengawal jumlah yang besar dalam perdagangan komoditi. Syarikat-syarikat ini memerlukan kemudahan seumpama ini bagi melindungi nilai dan juga rujuk harga. Kalau mereka ini menyertai pasaran ini secara aktif bagaimanakah mereka boleh mengambil manfaat daripada sistem pasaran ini. Penglibatan mereka adalah diperlukan sepenuhnya supaya fungsi pasaran ini dapat benar-benar dihasilkan.

Pihak pedagang tidak boleh diharapkan untuk memainkan peranan mereka jika terdapat dagangan di pasaran masih rendah.

Jika keadaan ini tidak diperbaiki, pedagang akan menjauhkan diri dan terus berdagang di pasaran komoditi di luar negeri. Dengan itu tahap kecairan sepertimana dikehendaki tidak akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut aliran perkembangan pasaran semasa adalah didapati minat terhadap pasaran semakin meningkat. Aliran harga minyak sawit mentah juga telah meningkat ke paras \$735 setan berbanding dengan \$670 setan pada akhir bulan Oktober. Jumlah kontrak didaftarkan juga telah meningkat. Ini adalah satu pertanda baik ke arah pemulihan pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya syorkan supaya dijadikan pemborong untuk menyertai lebih aktif di dalam pasaran. Pihak pedagang juga menunggu lagi kerana mengikut ramalan pasaran-pasaran, trend ini akan berlanjutan dan menjadi bertambah baik menjelang awal tahun 1986. Oleh itu saya suka merayu pedagang supaya lebih aktif menyertai dalam pasaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja, saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan.

5.31 ptg.

Tuan D. P. Vijandran: Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan dan menyokong Rang Undang-undang ini.

Walaupun Malaysia merupakan pengeluar terbesar bagi beberapa barangan utama di dunia pada masa lalu, harga komoditinya ditentukan di luar negeri. Tetapi selepas penubuhan Bursa Komoditi Kuala Lumpur (BKKL) pada tahun 1980, kita berharap untuk menentukan sendiri harga bagi getah dan minyak kelapa sawit di BKKL dengan kewujudan kuasa-kuasa pasaran bebas yang sepatutnya berlaku sedemikian. Para pengeluar dan penapis menggunakan Bursa Komoditi demi memagari risiko

dan dengan itu dapat diselamatkan daripada sebarang kerugian kepada operasi atau syarikat mereka. Spekulator-spekulator datang ke Bursa semata-mata untuk mencari keuntungan dan berani menghadapi risiko.

Sumbangan Bursa ini terhadap sektor pertanian dan ekonomi negara adalah penting dengan pihak Kerajaan memainkan peranan sebagai Pengatur demi untuk memberi perlindungan orang ramai serta menyediakan infrastruktur supaya Bursa berjalan dengan licin.

Harga minyak kelapa sawit yang telah naik baru-baru ini, dengan "dagang serah depan" di BKKL menunjukkan peranan yang boleh dimainkan oleh BKKL dalam menstabilkan harga komoditi. Kenaikan harga ini juga adalah kerana spekulasi yang begitu penting untuk kejayaan pasaran "dagang serah depan". Dengan pengawasan yang bersungguh-sungguh, BKKL mempunyai potensi untuk menjadi Bursa komoditi yang besar di dunia.

Kerajaan bagi pihaknya, telah menyediakan kemudahan asas untuk perdagangan Futures atau serah depan di negara ini. Terpulanglah kepada pihak perdagangan untuk menghadapi cabaran itu.

Saya mengambil peluang ini untuk menggesa peserta-peserta pasaran supaya memberi segala kerjasama yang perlu untuk memajukan lagi bursa kita. Kerajaan pula, saya yakin, akan meneruskan bantuannya kepada industri di samping mengawasinya melalui Pesuruhjaya Dagangan Komoditi bagi menentukan pengawasan yang lebih berkesan serta memberi perlindungan kepada orang awam. Bursa yang telah disusun semula demi mengekalkan integriti pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu patutlah saya di sini mengisytiharkan minat ataupun, declare interest, dengan izin, saya sebagai Pengerusi MAIKA Holding Berhad yang telah jadi ahli BKKL. Dalam konteks ini, saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua bahawa Belanjawan baru nampaknya tidak memberi pertimbangan serius terhadap pengecualian cukai bagi satu jangka masa tertentu untuk ahli-ahli Clearing MFCC yang memikul keperluan kewangan yang begitu tinggi untuk menjelaskan serta menjamin perdagangan bagi pihak mereka yang bukan ahli BKKL. Saya percaya "Tax Holiday" atau pengecualian cukai selama jangka masa tertentu hendaklah dipertimbangkan kerana, satu, saya telah difahamkan bahawa semasa kajian dibuat untuk menyusun semula BKKL, cadangan pernah dibuat mengenai pemberian "Tax Holiday" untuk menggalakkan ahli-ahli BKKL supaya menjadi ahli-ahli Clearing. Ini ialah kerana ahli-ahli Bursa ragu-ragu untuk menjadi ahli-ahli Clearing atau

- Penjelasan oleh sebab:
- (a) keperluan kewangan yang tinggi;
 - (b) untuk menjelas dan menjamin dagangan bagi pelanggan yang merupakan satu situasi yang tinggi risikonya; dan
 - (c) untuk menanggung tanggungjawab demi memajukan Bursa.

Sesungguhnya, komitmen pelaburan bagi ahli-ahli Clearing Bursa adalah tinggi, maka mereka akan menghadapi kesukaran untuk terus terapung dalam alam perniagaan. Yang demikian "Tax Holiday" adalah perlu bagi mereka.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tiada Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak beri ucapan lagi? Jikalau tiada, saya menjemput Yang Berhormat Menteri memberi jawapannya.

5.38ptg.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih ke atas minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dengan turut serta dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini.

Saya tidak ada tambahan yang lain ataupun jawapan kerana kedua-dua Senator telah memberi sokongan yang kukuh terhadap Rang Undang-undang ini dan juga telah memberi cadangannya yang membina kepada Kementerian saya.

Bagi "Tax Holiday" diberi kepada ahli-ahli MFCC yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator D. P. Vijandran, suka saya memberitahu bahawa Kementerian saya akan merujuk perkara itu lagi kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangannya.

Selain daripada ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan di sini bahawa pada awal tahun SMR20 dan palm kernel trade akan diniagakan dalam komoditi ataupun KLCE. Pada masa ini dua bahan-bahan utama telah diniagakan, iaitu RSSI dan minyak kelapa sawit mentah. Pada masa datang adalah cadangan bagi KLCE untuk mempertambahkan ataupun memberi "futures trading" bagi koko, lada dan plywood.

Tetapi ini mengambil masa yang panjang sedikit supaya bahan-bahan ini boleh diniagakan di KLCE. Adalah baik untuk menumpukan KLCE di Malaysia kerana tindakan ini adalah perlu memandangkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara pengeluar yang terbesar bagi timah, minyak kelapa sawit dan getah asli.

Selain daripada bahan-bahan ini, Malaysia juga mengeluarkan bahan-bahan yang penting, contohnya kayu-kayan, lada, koko dan sebagainya. Tujuan untuk mewujudkan KLCE ialah membolehkan pengeluaran, pengguna-pengguna dan peniaga-peniaga untuk menentukan harga masa hadapan ataupun "to discover future prices as realistically as possible", dengan izin, dan untuk "to hedge against price fluctuation".

Selain daripada ini, adalah hasrat bagi Kerajaan untuk menjadi Kuala Lumpur sebagai satu pusat yang aktif dalam dagangan bagi bahan-bahan utama di dunia dan menjadi Kuala Lumpur sebagai satu pasaran kewangan yang aktif di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini ucapan saya dan sekali lagi saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan terhadap Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasa 1 hingga 141 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang."

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, urusan-urusan

sudah diselesaikan dan mesyuarat ini ditangguhkan sehingga satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.48 petang.